

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : PERKAITAN ANTARA HUBUNGAN KELUARGA, PENGARUH
RAKAN SEBAYA DAN KECERDASAN EMOSI DENGAN
TINGKAH LAKU DELINKUEN PELAJAR

SESI PENGAJIAN : 2007 / 2008

Saya MAIZATUL AKMAM BT ABU BAKAR

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap :

10 JLN SAUDARA,

KG MELAYU MAJIDI,

81100 JOHOR BAHRU,

DR. AZLINA BT KOSNIN

NAMA PENYELIA

Tarikh : 2 NOVEMBER 2007

Tarikh : 2 NOVEMBER 2007

- CATATAN :
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
 - ◆ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

PENGESAHAN PENYELIA

”Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Maizatul Akmam bt Abu Bakar”

Tandatangan :

Nama Penyelia : Dr. Azlina bt Mohd Kosnin

Tarikh : 2 November 2007

**PERKAITAN ANTARA HUBUNGAN KELUARGA, PENGARUH RAKAN
SEBAYA DAN KECERDASAN EMOSI DENGAN TINGKAH LAKU
DELINKUEN PELAJAR**

MAIZATUL AKMAM BT ABU BAKAR

**Kajian ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian daripada Syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Psikologi Pendidikan**

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

2007

”Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan :

Nama Penulis : Maizatul Akmam bt Abu Bakar

Tarikh : 2 November 2007

*Istimewa buat ayahanda tercinta Allahyarham Hj Abu Bakar b Hj Sahup dan
bonda tercinta Maimon bt Abdullah*

*dorongan dan semangat yang diberikan tidak akan pernah dilupakan
dan akan ku kenang hingga akhir hayat.*

*Buat adik-adik tersayang terutamanya
Maizatul Akmalia bt Abu Bakar,
teruskanlah perjuangan ini.....*

*Untuk anakanda Mohd Haziq, Mohd Hazim dan Mohd Hasif
tawa ceria kalian sentiasa menyuntik semangat
untuk meneruskan perjuangan ini*

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah bersyukur kehadiran Illahi, dengan rahmat dan izin-Nya saya berjaya menyempurnakan kajian ini. Sekalung budi dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Azlina bt Kosnin yang tidak jemu memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat sepanjang tempoh penulisan kajian ini.

Terima kasih diucapkan kepada Pn Sallina bt Hussain, Pengetua SMK Sri Rahmat yang telah memberikan keizinan dan menyokong sepanjang proses melaksanakan kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada warga SMK Sri Rahmat terutamanya rakan kaunselor Pn Siti Rohani bt Harun yang telah memberikan kerja sama sepanjang proses menyiapkan kajian ini.

Buat keluarga yang sentiasa memahami dan banyak memberi dorongan terutamanya bonda tercinta Pn Maimon bt Abdullah, adik Haziq, abang Hazim, adik Hasif, Dr. Mohd Harriszamani bin Abu Bakar, Maizatul Akmalia bt Abu Bakar, semua adik beradik serta Omar Nor bin Abu Bakar diucapkan terima kasih yang tidak terhingga, pengorbanan dan keprihatinan semua akan tetap terpahat dalam hati.

ABSTRAK

Bilangan pelajar yang terlibat dengan tingkah laku delinkuen semakin meningkat dari semasa ke semasa. Banyak aspek dianggap sebagai penyumbang kepada peningkatan ini. Kajian ini memberikan tumpuan kepada tiga aspek iaitu hubungan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan tahap kecerdasan emosi sebagai punca tingkah laku delinkuen pelajar. Hubungan keluarga dilihat pada aspek kemesraan di antara ahli keluarga, kekerapan meluangkan masa bersama ahli keluarga dan sejauh mana ahli keluarga mengambil tahu tentang kegiatan pelajar. Pengaruh rakan sebaya dikaji dari aspek sistem kepercayaan, pengaruh, keinginan untuk bersama dan diterima oleh rakan sebaya. Manakala aspek kecerdasan emosi pula dilihat dari sudut penerimaan pelajar terhadap diri sendiri, pandangan pelajar terhadap orang lain dan bagaimana mereka ingin diri mereka diterima. Responden terdiri daripada 166 orang pelajar tingkatan empat SMK Sri Rahmat, Johor Bahru. Soal selidik telah digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Jumlah kekerapan, min, sisihan piawai, ujian t dan korelasi digunakan untuk tujuan menganalisis data yang diperolehi. Kajian ini mendapati bahawa tidak ramai pelajar SMK Sri Rahmat yang terlibat dengan salah laku yang tegar. Hasil kajian menunjukkan hubungan yang signifikan di antara tahap hubungan keluarga dan tahap kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen. Manakala terdapat perkaitan di antara hubungan keluarga dengan tahap kecerdasan emosi pelajar. Beberapa cadangan telah dikemukakan kepada ibu bapa, guru dan masyarakat terutamanya Persatuan Ibu Bapa Guru untuk membantu pelajar mewujudkan persekitaran positif bagi mengelakkan pelajar terjebak dengan gejala sosial dan tingkah laku delinkuen.

ABSTRACT

The number of students involved in delinquent behaviour is increasing day by day. It is assumed that many aspects contribute to this problem. This research focuses on three aspects, namely family relation, peer influence and emotional intelligence of the students. Students' family relation includes level of the intimacy within the family members, the frequencies of spending time together and how far the family members care about the students activities. Peer influence includes the belief system, influences, sense of belonging and peers acceptance. While the emotional intelligence was measured by students' self efficacy, students' views towards others and how they want to be accepted. A total of 166 SMK Sri Rahmat students participated in the research. Questionnaires were given to the subjects in order to gather information. Frequency, mean, standard deviation, t test and correlation were used to analyse the data. Results show that there are significant relationships between family relation and emotion intelligence, and delinquent behaviour. Significant relationship between family relation and emotional intelligence was also found. Steps for promoting a conducive environment for students were suggested to parents, teachers and the Parents Teachers Association so that the social ill and delinquency among students could be curbed.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	i
	DEDIKASI	ii
	PENGHARGAAN	iii
	ABSTRAK	iv
	ABSTACT	v
	KANDUNGAN	vi
	SENARAI JADUAL	x
BAB I	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Objektif Kajian	10
	1.5 Persoalan Kajian	11
	1.6 Hipotesis Kajian	11
	1.7 Kepentingan Kajian	12
	1.8 Batasan Kajian	13
	1.9 Definisi Istilah	14
	1.9.1 Delinkuen	14
	1.9.2 Hubungan Keluarga	15
	1.9.3 Rakan Sebaya	16
	1.9.4 Kecerdasan Emosi	16
	1.9.5 Pelajar	17
	1.10 Penutup	18

BAB II	SOROTAN KAJIAN	
2.0	Pengenalan	19
2.1	Teori Mengenai Tingkah Laku Delinkuen	22
2.1.1	Teori Biologi	22
2.1.2	Teori Psikologi	25
2.1.3	Teori Sosiologi	25
2.2	Jenis Delinkuen dan Kenakalan	27
2.2.1	Jenis Delinkuen Mengikuti Jantina	33
2.2.2	Jenis Delinkuen Mengikuti Lokasi	35
2.3	Faktor Penyebab Berlakunya Delinkuen	36
2.3.1	Faktor Latar Belakang Keluarga	37
2.3.2	Faktor Rakan Sebaya	42
2.3.3	Faktor Kecerdasan Emosi	44
2.4	Penutup	45
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.0	Pengenalan	47
3.1	Reka Bentuk Kajian	47
3.2	Sampel dan Persampelan	49
3.3	Prosedur Kajian	49
3.4	Kajian Rintis	50
3.5	Pengumpulan Data	52
3.6	Instrumen Kajian	53
3.6.1	Soal Selidik Latar Belakang Keluarga	53
3.6.2	Soal Selidik Rakan Sebaya	54
3.6.3	Soal Selidik Kecerdasan Emosi	55
3.6.4	Soal Selidik Tingkah Laku Delinkuen	56
3.7	Analisis Data	56

BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	57
4.2	Analisa Latar Belakang Keluarga	58
4.3	Tahap Hubungan dalam Keluarga	59
4.4	Tahap Pengaruh Rakan Sebaya	60
4.5	Tahap Kecerdasan Emosi Pelajar	61
4.6	Tahap Tingkah Laku Delinkuen	64
4.7	Hubungan antara Kecerdasan Emosi, Pengaruh Rakan Sebaya dan Hubungan Keluarga dengan Tingkah Laku Delinkuen	66
4.8	Perkaitan di antara Kecerdasan Emosi, Pengaruh Rakan Sebaya dan Hubungan Keluarga	69
4.10	Rumusan	70
BAB V	PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	71
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	72
5.2.1	Tahap Hubungan dalam Keluarga	72
5.2.2	Tahap Pengaruh Rakan Sebaya	73
5.2.3	Tahap Kecerdasan Emosi	74
5.2.4	Tahap Tingkah Laku Delinkuen	75
5.2.5	Perkaitan antara Hubungan Keluarga, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi dengan Tingkah Laku Delinkuen	77
5.2.6	Perkaitan antara Hubungan Keluarga, Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi	80
5.3	Implikasi Kajian	82
5.4	Cadangan Kajian Akan Datang	83
5.5	Penutup	84
	RUJUKAN	85
	LAMPIRAN	93

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Sepuluh Jenis Salah Laku yang Paling Kerap Dilakukan Pelajar	28
2.2	Antara Salah Laku yang Paling Kerap Melibatkan Pelajar	29
2.3	Salah Laku Paling Kerap	31
3.1	Kebolehpercayaan Item	51
3.2	Item-item Pengaruh Rakan Sebaya	54
3.3	Item-item Pengaruh Kecerdasan Emosi	55
3.4	Tahap Min untuk Skor	56
4.2(a)	Jumlah Pelajar Mengikut Umur	58
4.2 (b)	Jumlah Pelajar Mengikut Jantina	58
4.3	Tahap Hubungan dalam Keluarga	59
4.4	Aspek Pengaruh Rakan Sebaya	61
4.5	Aspek Kecerdasan Emosi Pelajar	63
4.6	Aspek Tingkah Laku Delinkuen Pelajar	65
4.7	Perbezaan Tahap Delinkuen	67

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Falsafah Pendidikan Negara pada tahun 1987 telah menggariskan beberapa faktor penting yang perlu dilaksanakan dalam bidang pendidikan. Dalam sesebuah negara pendidikan adalah teras bagi menjamin penghasilan sumber manusia yang dapat memenuhi keperluan di dalam pelbagai bidang. Melalui pendidikan juga akan dapat melahirkan rakyat yang berdisiplin, jujur dan berakhlak mulia.

Tanggungjawab seorang pelajar sangat besar dan perlu dimulakan dari zaman persekolahan. Pelajar juga perlu berusaha untuk menghadapi Wawasan 2020 dalam membina sebuah masyarakat yang maju dan harmoni menerusi sembilan cabaran yang diumumkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Jun 1991 (Norzian, 2004). Dalam cabaran tersebut beliau menjelaskan, menjelang tahun 2020 Malaysia boleh menjadi negara bersatu, dengan masyarakat Malaysia yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat yang demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil dari segi pengagihan

ekonomi, progresif dan makmur dan mempunyai penguasaan sepenuhnya dalam ekonomi yang bersaing, dinamik, giat dan kental (Jaafar Abdul Rahim, 1991).

Pelajar sebagai generasi penerus juga perlu membina diri baik daripada segi peribadi, mental, ilmu dan amal agar dapat menjadi insan yang dinamik dan unggul. Di samping itu pelajar juga menguasai semua bidang untuk membolehkan mereka menghadapi cabaran-cabaran yang terkandung dalam Wawasan 2020.

Pelajar yang berketrampilan dan berilmu pengetahuan akan dapat memberikan input yang berharga kepada negara. Mereka juga perlulah menunjukkan kesungguhan dan ketekunan dalam pelajaran untuk memastikan pencapaian tinggi dan cemerlang, kerana ilmu yang berkualiti amat berguna untuk menjana pembangunan negara. Situasi ini sesuai dengan ungkapan Tun Dr. Mahathir iaitu remaja hendaklah menyediakan diri ke arah mencapai Wawasan 2020 dengan menjauhkan diri daripada diresapi budaya dan nilai hidup kebaratan yang tidak sesuai dengan kemajuan negara (Sezali Din, 1997). Tanpa mereka, negara tidak mungkin menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Bagi memastikan pelajar memenuhi kriteria wujudnya impian ini, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyedari pentingnya satu usaha yang dapat membina pelajar bagi memenuhi hasrat kerajaan itu, iaitu mengamalkan Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Falsafah Pendidikan Negara merupakan cermin cita-cita dan pancaran idealisme yang menentukan hala tuju, asas dan sumber inspirasi kepada semua usaha dalam membentuk watak dan jenis manusia supaya memenuhi kehendak pembangunan negara. Tajul Arrifin Noordin dan Nor'Aini Dan (2002), menyatakan bahawa, FPN bermatlamat membangunkan manusia secara menyeluruh dan seimbang supaya mampu bersedia dan sama-sama maju dengan perkembangan ekonomi negara masa kini.

Apa yang lebih penting ialah FPN bertujuan melahirkan insan yang baik, mempunyai sahsiah yang seimbang dari segi rohani, intelek, emosi dan jasmani. Matlamat negara akan tercapai sekiranya landasan FPN ini berjalan dengan lancar kerana falsafah ini sebenarnya menyediakan asas yang cukup kukuh iaitu membina generasi yang berilmu untuk merealisasikan dan menjayakan wawasan negara iaitu menjadi negara maju.

Pelbagai program telah dilaksanakan dan dirancang dengan memperuntukkan perbelanjaan yang agak besar, yang bertujuan mencapai matlamat tersebut. Sebanyak 25.4% daripada perbelanjaan belanjawan 2001 telah diperuntukkan bagi menjalankan program Sekolah Bestari, penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Matematik dan Sains , Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu, mengadakan mata pelajaran Teknologi Maklumat dan Reka Cipta di semua sekolah Berasrama Penuh dan beberapa buah sekolah yang terpilih (Zuraidah Abdul Rahman, 2002). Semua program itu dirancang dan dilaksanakan bertujuan untuk mempersiapkan diri pelajar dengan pelbagai keperluan bagi menghadapi cabaran 2020.

Persoalannya, apakah semua ini akan tercapai sekiranya pelajar tidak memanfaatkan apa yang disediakan oleh kerajaan dan sama-sama berganding bahu memikirkan masa depan negara. Apa yang jelas pelajar hari ini lebih banyak melibatkan diri dengan aktiviti yang tidak berfaedah, dengan melakukan pelbagai gejala sosial dan perbuatan salah laku. Keadaan ini semakin serius dan meruncing apabila salah laku ini lebih berunsurkan jenayah

1.2 Latar Belakang Masalah

Peranan golongan remaja tidak dinafikan kerana mereka merupakan waris yang akan menentukan hala tuju masa depan. Mereka mempunyai pengaruh besar terhadap keadaan sosial, politik dan ekonomi. Merekalah yang akan memegang tampuk pentadbiran, penggerak ekonomi dan pembangun generasi.

Namun dalam pada itu kita tidak putus-putus dibebani dengan masalah sosial remaja yang semakin hari semakin meruncing. Masyarakat dikejutkan dengan pelbagai paparan secara terbuka baik di media elektronik, media cetak mahupun di internet. Masalah sosial, keruntuhan akhlak dan kemerosotan disiplin amat membimbangkan kerana ia turut mengundang pelbagai implikasi yang boleh meruntuhkan kestabilan negara dalam usaha melahirkan masyarakat produktif dan berdaya maju.

Beberapa kesalahan disiplin yang sering menjadi sorotan pihak sekolah mahupun kementerian adalah kesalahan yang melibatkan masalah ponteng sekolah, ponteng kelas dan melanggar peraturan sekolah. Masalah ponteng banyak melibatkan pelajar sekolah menengah berbanding sekolah rendah. Menurut Datuk Mahadzir Mohd Khir, masalah disiplin memang dikesan lebih ketara berlaku dalam kalangan pelajar peringkat menengah, lebih-lebih lagi mereka yang bersekolah di kawasan bandar dan juga pinggir bandar. Beliau berkata bilangan yang terlibat dalam gejala ini merangkumi 34 628 pelajar di negara ini termasuk sekolah rendah dan menengah pada tahun 2001. daripada pelajar yang dikenal pasti terbabit dengan masalah ponteng sekolah, beliau berkata, kira-kira 97% adalah dari kalangan pelajar lelaki dan hanya 3% perempuan (Rohaniza Idris, 2001).

Jika masalah ponteng hanya melibatkan masalah pelajar yang tidak mahu ke sekolah atau tidak hadir tanpa sebarang sebab, ini tidaklah begitu membimbangkan, akan tetapi masalah disiplin terus merebak kepada masalah yang lain pula. Kini

pelajar sudah berani menyimpan perasaan dendam terhadap guru-guru terutamanya guru-guru disiplin. Mereka mulai berani menggunakan kekerasan seperti memukul guru yang dianggap menggugat ketenteraman mereka. Di Kota Tinggi seorang guru di sebuah sekolah dibelasah dengan topi keledar oleh dua orang pelajar lelaki sehingga beliau terperosok ke dalam longkang di luar kawasan sekolah di Jalan Bukit Seri Lalang yang mengakibatkan kecederaan di belakang kepala dan bengkok tangan kirinya (Mohd Ramzi Sonny dan Ahmad Othman, 2001).

Selain itu, gejala salah laku yang dikenali sebagai gengsterisme juga telah menular dalam kalangan pelajar. Antara kes yang berlaku ialah kematian Mohd Zulkarnain Rahim, yang berusia 14 tahun, pelajar tingkatan 2, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abdul Rahman Yassin, Johor Bahru. Beliau mati setelah dipukul oleh samseng sekolah. Terdapat juga kes yang dilaporkan di mana seorang pelajar perempuan berusia 10 tahun di sebuah sekolah rendah telah membunuh seorang kanak-kanak yang berusia tujuh tahun dan mencederakan seorang yang lain. Dalam kejadian yang lain pula, seorang pelajar Sekolah Menengah Teknik telah menumbuk gurunya sehingga pengsan (Naapie Mat, 1997). Selain daripada itu, Hafizi Jumhari yang berusia 16 tahun dari Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat telah kehilangan buah pinggang kirinya setelah dibelasah kira-kira 10 orang pelajar. Begitu juga seorang lagi pelajar, Mohamad Al Hafiz Aziz, berusia 17 tahun dari Sekolah Perantis Putra Tentera Darat, Port Dickson Negeri Sembilan yang dibelasah oleh kira-kira 30 orang pelajar sehingga patah tulang rusuk kanan dan cedera paru-parunya (Ahmad Nazri, 2003).

Kemelut disiplin dan keruntuhan moral dalam kalangan pelajar belum ada jalan penyelesaiannya walaupun masalah ini telah lama disedari. Bukan sekadar ponteng dan memukul pelajar, merokok juga merupakan masalah yang semakin ketara di sekolah. Tangkapan demi tangkapan dilakukan oleh pihak sekolah, tetapi masalah disiplin ini tetap menjadi fenomena yang sukar dibendung. Kecenderungan pelajar bukanlah sekadar merokok sahaja, ada di antaranya melibatkan diri dengan penyalahgunaan dadah. Di dapati pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan

dadah sepanjang 10 tahun iaitu di antara tahun 1983 hingga 1993, ialah seramai 2 230 orang (Naapie Mat, 1997). Statistik ini menunjukkan bahawa bilangan pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah di sekolah menengah kerajaan di Malaysia dalam tempoh 1983 hingga 1991 adalah seramai 2 033 orang. Kebanyakan pelajar yang terlibat menggunakan pil khayal dan inhalan (seperti menghidu gam). Menurut Misnan Kowanan (1995), dalam tempoh itu, terdapat 1 109 orang terlibat dengan heroin, 15 orang terlibat dengan morfin, 160 orang terlibat dengan pil khayal, seorang terlibat dengan candu, 662 orang terlibat dengan inhalan dan 69 orang mengaku terlibat dengan dadah tetapi tidak mengetahui jenisnya. Peratusan jumlah pelajar yang terlibat dengan gejala negatif ini tidak seharusnya dibiarkan meningkat. Gejala yang membimbangkan ini pasti meninggalkan kesan yang tidak sihat dalam usaha mewujudkan masyarakat maju.

Isu bohsia yang melibatkan pelajar-pelajar perempuan sekolah menengah juga pernah menjadi isu hangat suatu ketika dahulu. Keadaan ini masih lagi berleluasa dan dianggap satu manifestasi sikap dan rasa kecewa yang menyelubungi mereka. Selain keseronokan di luar rumah dan sikap suka berfoya-foya pelajar hari ini, menyebabkan bilangan pelajar yang terlibat dengan aktiviti salah laku dan jenayah bertambah. Pelajar terbabit bukan sahaja memberikan khidmat yang perlu dibayar, tetapi sudah mulai pergi ke kelab-kelab malam dengan pasangan mereka. Kini timbul pula isu penggunaan pil ecstasy, iaitu pil khayal yang menjadi pilihan anak-anak muda yang memiliki wang serta hilang pedoman dan ingin terus berseronok.

Sebelum ini kita dikejutkan dengan masalah bohsia, bohjan, pelacuran dan seks bebas dan penyalahgunaan dadah. Masalah menjadi lebih gawat apabila kita dikejutkan dengan tindakan ganas pelajar sehingga menyebabkan kematian dan kecederaan serius kepada si mangsa. Isu ini menimbulkan pelbagai persoalan dalam merungkai punca keadaan itu.

Hasil kajian 'Gengsterisme di sekolah menengah harian' oleh Bahagian Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran amat membimbangkan. Angka 459 daripada 1560 sekolah menengah harian sebagai berisiko tinggi, iaitu terdedah kepada pelbagai masalah gengsterisme. Di antaranya termasuklah salah laku yang serius seperti peras ugut, salah guna dadah, mencabul kehormatan, pelacuran, mencuri, berjudi menceroboh dan membawa senjata. Pada keseluruhannya tahap gengsterisme di kalangan pelajar masih boleh dikawal sekiranya tindakan tegas secara bersepadu dilaksanakan. Masalah gengsterisme bukan masalah pelajar sahaja tetapi juga masalah masyarakat dan perlu ditangani oleh semua pihak termasuk ibu bapa.

Gejala samseng atau gengsterime di sekolah menengah di seluruh negara juga semakin membimbangkan. Mereka ternyata semakin berani mencabar undang-undang dan tidak takut melakukan kesalahan jenayah termasuk menggunakan senjata merbahaya.. Berita Harian, 12 Julai 2001 lalu melaporkan dalam tempoh 10 tahun antara 1989 hingga 1998 kadar jenayah membabitkan remaja lelaki dan pelajar meningkat sebanyak 35 peratus dan 25 peratus bagi remaja perempuan. Kementerian Pendidikan dengan kerjasama polis telah mengenal pasti pelajar di 456 sekolah menengah di seluruh negara terdedah kepada kegiatan samseng. Angka ini bukan sedikit dan menunjukkan gejala ini berada pada tahap membimbangkan.

Kalau kita menyorot kembali gejala ini, kita akan diperlihatkan kepada pembabitkan pelajar dalam kes jenayah berat seperti membunuh, merogol, menyamun, mengugut dan kes pukul. Terdapat juga pelajar yang terlibat dengan dadah, mabuk, memiliki senjata api menceroboh, judi dan membuli.

Peristiwa terbaru ialah kejadian membakar sekolah dan rumah guru yang dilakukan oleh pelajar sekolah. Seawal belasan tahun pelajar sudah terjebak dengan jenayah ekstrem seperti membunuh, merogol dan menyamun. Mereka yang sudah menjinakkan diri dengan kes seperti mencuri motosikal, pecah rumah

dan memukul orang , tidak mustahil akan terbabit dengan jenayah berat seperti membunuh, sindiket senjata api , pendedaran dadah dan juga rompakan senjata api. Mengikut laporan Menteri Pendidikan semasa persidangan di Parlimen, statistik kesalahan membunuh, merompak, merogol dan dadah yang dilakukan oleh pelajar-pelajar sekolah menengah di seluruh mengikut negeri-negeri dari tahun 1999 hingga tahun 2000 dan pertengahan tahun 2001 ialah 12 kes bunuh, 123 kes rogol dan 51 kes samun dan rompakan.

Saban hari bilangan remaja yang terjebak dengan gejala sosial kian meningkat. Yang lebih menyayatkan adalah gejala ini seolah-olah epidemik atau wabak yang menjangkiti remaja Melayu babak demi babak, peringkat demi peringkat dan yang terakhir dan masih terasa bahangnya ialah masalah Black Metal dan kini Pink Metal. Semua ini sebenarnya adalah masalah lama yang diberi manifestasi baru kerana kelekaan sendiri. Masalah Black Metal misalnya merupakan masalah masyarakat yang telah membelakangkan adab dan budayanya sendiri sehingga wujud satu kekosongan atau vakum yang kaku dan bisu. Kegiatan Black Metal adalah suatu kegiatan yang mempunyai unsur pemujaan dan penyembahan syaitan malah ada pengikut mereka yang sudah meminum darah kambing sebagai tanda setia kepada kumpulan mereka.. Hasil daripada siasatan, polis mendapati 10 pelajar dari sebuah sekolah menengah di Parit Buntar mula terbabit dengan kumpulan Black Metal sejak 1999. Ada diantara pelajar berkenaan terbabit dalam upacara membakar ayat Al Quran dan mengikuti upacara yang diketuai `tok guru` yang berselubung hitam. Akibat dari ketandusan aqidah , pelajar Islam mula terpengaruh dengan agenda Yahudi dengan menafikan tauhid Uluhiyyah. Adalah menjadi perkara yang sangat menyedihkan dan mengecewakan apabila terdapat golongan pelajar Islam di negara ini yang terpengaruh dengan budaya yang kurang sihat ini.

Anak-anak, khasnya remaja pada abad ke-21 ini terdedah dengan pelbagai bentuk pengaruh. Dalam dunia yang disebut sebagai "borderless world" ini banyak menyuntik unsur-unsur yang positif mahu pun yang negatif. Anak-anak lebih

mudah tertawan dengan program yang membunuh sahsiah berbanding program yang menghidupkan peribadinya (Hassan Mohd Ali,1977)

Secara tidak langsung, ini memberi tamparan yang hebat kepada ibu bapa. Ibu bapa harus dapat membimbing individu mengenali diri sendiri sebagai insan dalam alam sosial. Masalah berkaitan sosial remaja banyak berpunca daripada hubungan antara ibu bapa dengan remaja itu sendiri. Sejumlah besar remaja menyalahkan ibu bapa. Sebagaimana petikan akhbar berjudul "Ayah Sibuk, Remaja Liar" Harian Metro, 1 Ogos 2001, "Keluarga Terbiar, Remaja Jadi Liar" Harian Metro, 6 September 2001 dan "Jenayah Rogol Juvana Salah Siapa?" Utusan Malaysia, 23 Julai 2001. Kesibukan urusan kerja menyebabkan kekurangan agihan masa. Kasih sayang yang mereka harapkan diganti dengan kemewahan dan wang ringgit.

Ibu bapa pula menafikan kenyataan ini dan menyalahkan pihak lain sama ada disebabkan faktor ego dengan kedudukan mereka atau persepsi mereka terhadap golongan remaja yang dikatogerikan sebagai golongan yang masih mentah. Bagaimanapun tugas tersebut nampaknya telah diserahkan bulat-bulat kepada pembantu rumah atau pihak sekolah. Dengan berbuat demikian mereka berharap akhlak, personaliti dan kendiri anak mereka dapat dibentuk sebaik mungkin. Akibatnya, mereka mengundang gejala sosial dalam kalangan remaja.

1.3 Pernyataan Masalah

Senario yang melibatkan salah laku pelajar sekarang amat serius. Bermula dengan salah laku ringan di sekolah seperti ponteng dan merokok, kini menular pula kepada kes-kes yang bersifat jenayah seperti gengsterisma, merogol dan membunuh.

Usia yang masih muda, sepatutnya digunakan untuk belajar telah mereka kotori dengan pelbagai masalah sosial.

Ibu bapa sebagai orang yang terdekat dengan pelajar seharusnya bertanggungjawab untuk membentuk, mendidik, membimbing dan mengawal anak-anak sejak kecil. Pengaruh rakan sebaya juga dilihat sebagai penyumbang kepada peningkatan tingkahlaku delinkuen pelajar. Pelajar bimbang jika mereka dianggap sebagai tidak mengikut *trend* sekiranya tidak bertingkah laku seperti rakan-rakan yang lain. Ada pihak yang meletakkan kesilapan kepada pelajar itu sendiri yang menyebabkan mereka terjebak dengan tingkah laku delinkuen. Pelajar yang menganggap dirinya tidak sempurna, lemah, tidak dihargai dan timbulnya rasa rendah diri membawa mereka bertingkah laku delinkuen.

Oleh itu, kajian ini ingin melihat bagaimana hubungan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi menyumbang kepada berlakunya tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti sama ada:

- 1.4.1 Terdapat hubungan di antara hubungan keluarga dengan tingkah laku delinkuen pelajar.
- 1.4.2 Terdapat hubungan di antara pengaruh rakan sebaya dengan tingkah laku delinkuen pelajar.

- 1.4.3 Terdapat hubungan di antara tahap kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar.

1.5 Persoalan Kajian

- 1.5.1 Apakah tahap hubungan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar sekolah?
- 1.5.2 Apakah tahap tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar sekolah?
- 1.5.3 Adakah faktor latar belakang keluarga, rakan sebaya dan kecerdasan emosi mempengaruhi tahap delinkuen pelajar?
- 1.5.4 Hubungan antara faktor latar belakang keluarga, rakan sebaya dan kecerdasan emosi.

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis nol 1:

Tidak terdapat perbezaan di antara sumbangan latar belakang keluarga dengan tahap delinkuen pelajar

Hipotesis nol 2 :

Tidak terdapat perbezaan di antara pengaruh rakan sebaya dengan tahap delinkuen pelajar.

Hipotesis nol 3 :

Tidak terdapat perbezaan di antara tahap kecerdasan emosi dengan tahap delinkuen pelajar.

1.7 Kepentingan Kajian

Sekolah sebagai agen sosialisasi utama bertanggungjawab untuk membanteras masalah disiplin hingga ke peringkat akar umbi. Iklim dan persekitaran sekolah yang kondusif perlu diwujudkan bagi merangsang perkembangan pelajar dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Maklumat dari kajian ini diharapkan dapat mengenal pasti punca sebenar masalah disiplin dan mencadangkan program yang sesuai untuk meningkatkan tahap disiplin pelajar. Maklumat ini penting bagi guru dan pelajar dari aspek:

- 1.7.1 Mengetahui punca sebenar masalah pelajar sehingga mendorong mereka bertingkah laku delinkuen (melanggar disiplin).
- 1.7.2 Membantu guru untuk memahami keadaan pelajar dan sama-sama membantu meningkatkan disiplin pelajar melalui pemantapan tahap kecerdasan emosi pelajar.

- 1.7.3 Menjadi sumber input kepada Unit Bimbingan dan Kaunseling dengan kerja sama Unit Disiplin sekolah membuat penilaian dan merancang program menangani masalah disiplin secara bersepadu di peringkat sekolah.
- 1.7.4 Memberi maklumat kepada ibu bapa berkenaan dengan keperluan anak-anak supaya semua ahli keluarga dapat menambah baik hubungan sesama ahli.
- 1.7.5 Menggunakan maklumat yang ada untuk memantapkan program Pembimbing Rakan Sebaya sebagai satu sistem sokongan sosial dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat perkaitan di antara hubungan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tahap delinkuen pelajar di SMK Sri Rahmat. Skop kajian ini terbatas kepada beberapa perkara iaitu:

- 1.8.1 Kajian yang dijalankan hanya melibatkan pelajar tingkatan empat di SMK Sri Rahmat sahaja.
- 1.8.2 Skop dan tumpuan kajian hanya pada faktor hubungan di antara latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya dan juga kecerdasan emosi dengan tahap delinkuen pelajar.
- 1.8.3 Dapatan kajian adalah berdasarkan pada latar belakang persekitaran pelajar-pelajar di SMK Sri Rahmat sahaja.

1.9 Definisi Istilah

Beberapa istilah yang digunakan dalam penulisan ini memerlukan definisi yang terperinci. Definisi ini perlu kerana pengertian umum dengan pengertian dalam kajian ini mungkin berbeza. Istilah-istilah tersebut adalah seperti berikut:

1.9.1 Delinkuen

Delinkuen berasal daripada perkataan Latin “delinquere” bererti terabaikan, mengabaikan yang kemudiannya diperluaskan ertinya menjadi jahat, antisosial, melakukan jenayah dan melanggar peraturan (Kartini, 1986). Delinkuen juga bermaksud perbuatan dan aktiviti remaja (pelajar) yang berlawanan dengan norma-norma masyarakat, undang-undang negara dan agama. Kelakuan yang dikatakan delinkuen adalah perbuatan seperti mencuri, merompak, merogol, berzina, membunuh, menagih dadah, menderhaka kepada ibu bapa, mencabar atau melawan guru, ponteng sekolah, memeras ugut, memukul dan membuli dan lain-lain lagi (Hairunnaja Najmudin, 2003).

Menurut William (1994) tingkah laku delinkuen bermaksud semua tingkah laku yang tidak boleh diterima terutamanya yang dilakukan oleh remaja. Kadangkala tingkah laku ini dianggap salah di sisi undang-undang dan ada juga tingkah laku yang tidak menyalahi undang-undang tetapi tidak diterima masyarakat.

Pitts (2001) pula mendefinisikan tingkah laku delinkuen sebagai tingkah laku bermasalah dalam kalangan remaja. Beliau menyebut sebagai tingkah laku *disorder*, tingkah laku *anti social* dan tingkah laku *nuisance* sebagai tingkah laku delinkuen.

Kelakuan yang menyimpang secara signifikan daripada norma-norma yang ditentukan untuk individu dalam status sosial, ia tidak dapat dipelihara secara abstrak tetapi perlu dikaitkan dengan norma-norma yang dianggap oleh masyarakat sebagai munasabah dan *morally binding* bagi orang menduduki status yang berlainan. Kelakuan yang melanggar jangkauan yang diinstitusikan, iaitu jangkauan yang dikongsi dan diiktiraf sebagai sah dalam sesuatu sistem sosial. Kelakuan mengikut arah yang tidak dipersetujui, yang bertentangan dengan norma dan darjatnya melebihi had toleransi sesuatu masyarakat (Ab. Alim, 1994).

Jelas bahawa devians dan delinkuen rata-rata membawa maksud tingkahlaku yang melanggar norma-norma masyarakat tertentu. Devian lebih merujuk kepada tingkahlaku ini secara umum manakala delinkuen pula menumpukan sesuatu had umur yang lebih menumpukan pelajar sekolah dan belia.

1.9.2 Hubungan Keluarga

Keluarga ialah institusi di mana seseorang individu itu mendapat pendidikan yang terawal (Hairunnaja Najmudin, 2003). Proses didikan atau proses sosialisasi yang diterima oleh pelajar sejak kecil dalam keluarga berpengaruh kepada tingkahlaku mereka. Status sosioekonomi keluarga merupakan unsur penting dalam latar belakang keluarga. Status sosioekonomi merujuk kepada kedudukan sosial ibu bapa mengikut hierarki yang ditentukan oleh penilaian masyarakat (Smith, 1986). Status sosioekonomi dapat dilihat daripada tahap pendidikan, pekerjaan dan jumlah pendapatan ibu bapa. Pendidikan, pekerjaan dan jumlah pendapatan sangat berkaitan dengan kemampuan keluarga membiayai keperluan dan perbelanjaan keluarga sesuai dengan jumlah ahli keluarga.

Dalam konteks kajian ini latar belakang keluarga bukan hanya merujuk kepada status ekonomi sosial (SES) sahaja, faktor hubungan pelajar dengan ahli keluarga juga dikaji untuk melihat sejauh mana ia menyumbang kepada tingkah laku delinkuen pelajar.

1.9.3 Rakan Sebaya

Mengikut Kamus Dewan, rakan sebaya bererti anak-anak muda yang sama umurnya dalam satu kumpulan. Golongan remaja biasanya lebih mudah meniru, terikut dan terpengaruh dengan rakan sebaya. Pada tahap peringkat umur yang muda ini, remaja masih mentah, nalurinya kurang tabah dan sifat ingin mencuba itu mudah berkobar-kobar. Jadi apabila dipujuk atau dipengaruhi oleh rakan-rakan sebaya, mereka sudah tentu tidak dapat mengawal perasaannya untuk turut terlibat dalam gejala negatif. Remaja yang tidak dapat kasih sayang, kawalan dan bimbingan yang sempurna daripada keluarga lebih mudah terpengaruh dengan rakan sebaya

Dalam kajian ini rakan sebaya merujuk kepada rakan pelajar yang berusia antara 13 hingga 20 tahun sama ada masih bersekolah atau pun telah berhenti sekolah. Golongan ini biasanya suka berdamping dengan rakan sebaya dan cenderung untuk membentuk identiti kumpulan sendiri.

1.9.4 Kecerdasan Emosi

Noriah (2005) berpendapat bahawa kecerdasan emosi merupakan satu set kompetensi atau kemahiran berarahkan emosi yang membolehkan seseorang menguruskan kehidupan mereka dengan baik. Ia merangkumi kebolehan menyelami emosi sendiri untuk mengetahui dan menilai keadaan diri, menggunakan

kecenderungan emosi untuk membimbing atau memudahkan seseorang mencapai sesuatu matlamat, kebolehan menyedari perasaan, keperluan, kehendak dan masalah atau kegusaran orang lain, kebolehan mencetus respon yang sesuai daripada seseorang, sedar tentang kepentingan nilai agama sebagai perintis kehidupan, serta menggunakan pengalaman hidup (diri atau orang lain) sebagai panduan dalam menyelesaikan masalah.

Kecerdasan emosi mencakupi pengendalian diri, semangat dan ketekunan serta kemampuan untuk memotivasikan diri sendiri dan bertahan menghadapi kegagalan, kesanggupan mengendalikan dorongan hati dan emosi, tidak melebih-lebihkan kesenangan, mengatur suasana hati dan menjaga supaya beban tekanan tidak melumpuhkan kemampuan berfikir bagi membaca perasaan terdalam orang lain dan berdoa untuk memelihara hubungan dengan sebaik-baiknya, kemampuan untuk menyelesaikan konflik serta untuk memimpin. Nilai-nilai yang lebih tinggi dalam perasaan manusia, seperti kepercayaan, harapan, pengabdian cinta, seluruhnya lenyap dalam pandangan kognitif yang diinginkan. Kecerdasan emosi dapat menampung banyak sifat-sifat yang membuat kita menjadi lebih manusiawi (Mohd Azhar, 2004).

1.9.5 Pelajar

Pelajar atau murid ialah orang atau anak yang sedang belajar atau menuntut (Kamus Dewan, 1993). Pelajar juga dikategorikan sebagai remaja di mana dalam perspektif undang-undang umur remaja adalah antara 10 hingga 18 tahun serta belum pernah berkahwin (Hairunnaja Najmuddin, 2003).

1.10 Penutup

Peningkatan gejala sosial di Malaysia semakin membimbangkan kerana semakin ramai pelajar terlibat dengan tingkah laku delinkuen. Kegagalan ibu bapa memantau pergerakan anak akan menyebabkan pelajar yang masih muda ini meluangkan lebih banyak masa dengan rakan sebaya yang tidak diketahui tingkah lakunya. Ibu bapa yang terlalu sibuk akan mengabaikan tanggung jawabnya untuk mendidik anak serta menyediakan persekitaran membesar yang kondusif bagi anak-anaknya. Akibatnya anak tidak dapat mengembangkan tahap kecerdasan emosinya secara sihat kerana gagal mencontohinya daripada ibu bapa dan ahli keluarga yang lain. Oleh itu kajian ini dibuat untuk melihat perkaitan di antara hubungan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Pelajar sekolah adalah golongan remaja yang ingin bebas dan tidak mahu terikat oleh sebarang ikatan. Sedangkan disiplin merupakan peraturan-peraturan yang bakal menjamin keharmonian dan ketenteraman serta kelicinan perjalanan aktiviti dalam masyarakat, dianggap pelajar sebagai hukuman dan sekatan-sekatan kebebasan. Oleh itu pelajar apabila diketatkan disiplin akan menentang kerana mereka mahukan kebebasan (Muhd Mansur, 1992).

Dalam zaman moden ini, menurut pelajar atau golongan muda, peraturan yang lama patut ditinggalkan dan diketepikan sahaja. Adat resam yang lama itu dikatakan membendung mereka dari kebebasan berkeaktiviti. Padahal menurut komuniti bangsa Melayu sejak dahulu adalah menjadi kesalahan dan pantang apabila ada individu yang melanggar peraturan dan adat (Muhd Mansur, 1992).

Keluarga yang mempunyai anak remaja, sentiasa berhadapan dengan masalah pengawalan tingkah laku mereka. Kebimbangan ini menurut Fatimah

(2006) berlanjutan apabila anak remaja ini dilabel sebagai mempunyai tingkah laku delinkuen. Tahap remaja merupakan suatu jangka masa yang penuh dengan cabaran di mana di peringkat awal, remaja mula belajar meneroka kehidupan sosial secara berdikari walaupun masih berada dalam lingkungan kawalan keluarga. Semakin lama remaja berada di alam persekolahan semakin luas dunia persekitaran mereka sehingga melangkaui lingkungan keluarga dan jiran-jiran terdekat. Sesuai dengan tuntutan emosi mereka, remaja mula bergaul dengan menyesuaikan diri dengan rakan-rakan dari luar kawasan tempat tinggal mereka serta persekitaran yang lebih kompleks (Harre & Lamb dlm. Iran 1996)

Proses menyesuaikan diri dengan persekitaran bukanlah sesuatu yang mudah. Ini disebabkan zaman remaja adalah zaman di mana jiwa mereka mudah memberontak, mereka sering mengalami keadaan ketidak tentuan emosi, konflik dengan keluarga, mengasingkan diri dan bersikap menentang, nilai-nilai murni keluarga dan masyarakat (Papalia, Old & Feldman, 1998). Di peringkat ini juga personaliti remaja terbentuk yang kebiasaannya dipengaruhi oleh rakan sebaya dan keluarga.

Walaupun persekitaran, keluarga dan rakan sebaya mempengaruhi tingkah laku delinkuen remaja, tidak semua remaja bermasalah disebabkan oleh faktor-faktor itu. Ini dibuktikan dengan terdapat remaja yang tidak melibatkan diri dengan tingkah laku negatif walaupun berada di dalam lingkungan keluarga yang bermasalah (Fatimah & Azaman, 2006). Remaja ini mungkin mempunyai ketahanan diri dan mampu menyerap tekanan-tekanan yang berlaku. Personaliti juga memainkan peranan dalam mempengaruhi corak tingkah laku remaja. Tingkah laku yang menyeleweng biasanya berkait dengan konsep sendiri yang lemah (Kaplan, 1980). Individu yang rendah konsep sendiri selalu memberi masalah kepada orang lain kerana sering menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap orang lain, mementingkan diri sendiri serta mudah berasa risau tentang berbagai-bagai perkara.

Kajian Barret (dlm. Beman, 1995) membuktikan bahawa remaja yang terlibat ketagihan alkohol dan dadah memiliki konsep sendiri yang rendah.

Individu akan menilai setiap peristiwa yang dialaminya dan akan bertingkah laku selaras dengan konsep sendiri yang dimilikinya (Rogers dlm. Schultz & Schultz, 1998). Seseorang individu itu akan berusaha untuk memastikan keselarasan di antara konsep sendiri dengan pengalaman atau perasaan yang dialaminya bagi menentukan apakah bentuk tingkah laku yang akan dihasilkannya. Sekiranya seseorang remaja itu memiliki konsep sendiri yang rendah ia akan meningkatkan elemen-elemen negatif dalam diri seperti putus asa, emosi yang negatif, berkonflik dan lain-lain unsur tingkah laku negatif. Remaja di peringkat inilah yang sering terlibat dengan tingkah laku delinkuen.

Fatimah & Azaman (2006) menyatakan bahawa kajian yang bertujuan untuk melihat hubungan di antara kefungsiian keluarga dan personaliti dengan tingkah laku delinkuen remaja ini telah dijalankan pada tahun 2003 dengan menggunakan kaedah tinjau selidik. Subjek kajian terdiri daripada tujuh puluh lima orang pelatih lelaki dari Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur dan Sekolah Tunas Bakti (perempuan) Sungai Lereh, Melaka. Semua institusi ini adalah di bawah pentadbiran Jabatan Kebajikan Masyarakat. Umur subjek kajian adalah di antara 12 hingga 18 tahun.

Alat pengukuran yang digunakan untuk mengukur kefungsiian keluarga ialah Family Adaptability and Cohesion Scale III (FACES III) ciptaan Olson, Bell dan Lavee (1983). Untuk kegunaan di Malaysia alat ini telah diterjemahkan ke Bahasa Melayu. FACES III mengandungi 20 item yang direka bentuk untuk mengukur dua dimensi utama kefungsiian keluarga iaitu kesepaduan dan kebolehsuaian. FACES III adalah berdasarkan Model Kefungsiian Keluarga *Circumplex* yang mengandungi tiga dimensi tingkah laku keluarga iaitu kesepaduan, kebolehsuaian dan komunikasi. Ia mengukur bagaimana ahli keluarga mempersepsikan keluarga mereka dan

bagaimana mereka inginkan cara keluarga mereka berfungsi. Six Factors Personality Questionnaire (SFPQ) pula telah digunakan untuk mengukur personaliti. Alat ukuran ini dicipta oleh Jackson, Paunonen dan Tremblay (1996 dlm. Fieldman 2000). SFPQ digunakan untuk mengukur enam dimensi personaliti iaitu keterbukaan, *methodicalness*, *Industriousness*, ektravesi, kebersetujuan dan kemandirian yang tiap-tiap satunya mengandungi tiga skala *facet* dengan menggunakan sebanyak 108 item.

Keputusan yang diperolehi adalah semakin tinggi darjah kebolehsuaian dan juga kesepaduan dalam keluarga, semakin kurang kecenderungan remaja terlibat dengan tingkah laku delinkuen. Hasil kajian ini secara relatifnya selaras dengan dapatan kajian-kajian lepas yang menyatakan kefungisian keluarga mempengaruhi tingkah laku delinkuen (contohnya Veneziano & Veneziano, 1992; Anthony, 1998; Azaman, 2002).

Banyak kajian yang menunjukkan masalah hubungan dengan ibubapa dan keluarga menyumbang kepada tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar. Delinkuensi juga didapati berkaitan dengan bagaimana ibu bapa mengawasi dan mendisiplinkan tingkah laku anak-anak mereka (Patterson, 1985). Sekiranya ibu bapa dapat memberikan pengawasan yang lebih berkesan iaitu tahu di mana mereka berada, dengan siapa dan apa yang dilakukan oleh mereka, maka kemungkinan anak mereka terlibat dengan tingkah laku delinkuen adalah lebih rendah.

2.1 Teori Mengenai Tingkah Laku Delinkuen

2.1.1 Teori Biologi

Menurut AB. Alim (1994) teori ini merupakan teori terawal yang membincangkan tentang tingkah laku delinkuen. Teori ini mengandaikan

bahawa tingkah laku delinkuen dan antisosial dapat dikaji berdasarkan dua aspek :

- a. Kajian berasakan trait fizikal antisosial yang diwarisi dari satu keturunan kepada satu keturunan.
- b. Kajian yang berdasarkan penghubung di antara tingkah laku antisosial dengan ciri-ciri bentuk badan seseorang individu

Menurut Kartini Kartono (1986), teori ini menerangkan bahawa tingkah laku delinkuen yang dilakukan oleh pelajar muncul disebabkan faktor-faktor biologi dan struktur jasmani seseorang, juga diperoleh melalui kecacatan jasmani yang dibawa sejak lahir. Kejadian delinkuen ini disebabkan:

- a. Genetik atau plasma pembawaan sifat dalam keturunan atau melalui kombinasi genetik. Dapat juga disebabkan oleh tidak adanya genetik tertentu, yang semuanya menyebabkan berlakunya tingkah laku delinkuen.
- b. Melalui keturunan yang abnormal atau luar biasa yang menyebabkan mereka melakukan tingkah laku delinkuen.
- c. Melalui keturunan dari segi kelemahan struktur jasmani yang menyebabkan terjadinya tingkah laku delinkuen yang ada hubungannya dengan sifat-sifat delinkuen dan penyakit mental.

Pengkaji Itali Lambroso (1840) dalam Othman dan rakan (1988) telah membuat kajian terhadap banduan di penjara. Beliau telah mengemukakan kesimpulan bahawa semua penjenayah mempunyai ciri-ciri biologi primitif seperti dagu panjang, telinga dan bibir yang terkeluar dan beberapa ciri fizikal yang tidak normal.

Ahli psikologi Amerika, William (1949) telah mengemukakan suatu teori biologi. Beliau telah mengemukakan tiga jenis bentuk badan yang mempunyai perkaitan dengan tingkah laku delinkuen iaitu:

- a. Jenis endomorf, (orang gemuk dan rendah). Individu ini suka makan dan mempunyai falsafah hidup yang mudah.
- b. Jenis ektomorf, (orang kurus) lemah lembut, bersifat sensitif, mudah merajuk dan tidak begitu sosial.
- c. Jenis mesomorf, (orang yang bentuk badan tegap dan kuat). Individu ini bersifat agresif, aktif, periang dan tidak bersifat sensitif.

William telah membuat kajian terhadap 200 orang kanak-kanak lelaki di sebuah pusat pemulihan. Beliau mendapati kalangan kanak-kanak itu yang melakukan kejahatan ialah individu yang berbadan mesomorf.

Faktor kromosom merupakan satu teori biologi. Lazimnya lelaki mempunyai satu kromosom X dan satu kromosom Y, perempuan mempunyai dua kromosom X. Kadang kala terdapat individu yang mempunyai kromosom X dan Y yang berlebihan iaitu XXY dan XYY.

Faktor genetik dikatakan mempunyai pengaruh yang kuat ke atas tingkah laku agresif, antisosial dan delinkuen (Deater-Deckard & Plomin, 1999). Faktor genetik juga mempunyai kaitan dengan masalah dalaman remaja seperti risiko kepada percubaan membunuh diri dan kemurungan (Jacobson & Rowe, 1999).

2.1.2 Teori Psikologi

Teori Psikologi menyatakan bahawa tingkah laku delinkuen merupakan hasil daripada fikiran yang tidak siuman, neurotik dan terganggu fikiran. Teori personaliti menekankan pengalaman awal kanak-kanak memberi kesan buruk kepada perkembangan personaliti seseorang. Teori psikologi mengandaikan bahawa proses ini tidak dipengaruhi oleh kebudayaan sekeliling

Kajian yang dijalankan telah menunjukkan bahawa tingkah laku delinkuen bukanlah semata-mata disebabkan oleh faktor psikologi. Ini kerana tiada trait tertentu seperti emosi yang tidak matang dan tidak stabil yang dilihat pada semua penjenayah yang dikaji (Ab. Alim, 1994).

Menurut Abraham H. Maslow (1954), dalam konsep hierarkinya menyatakan bahawa dalam hidup manusia terdapat beberapa tahap yang ingin dicapai dan dipenuhi termasuklah keperluan fisiologi, rasa ingin selamat, kasih sayang, penghargaan sendiri dan kesempurnaan sendiri. Akan tetapi tidak semua manusia dapat memenuhi keperluan mereka. Menurut Blackham (1967), dalam Othman Johan (1995), kanak-kanak yang tidak dapat memuaskan keperluan asas mereka, intelegnya tidak dapat berfungsi dengan cekap dan tidak dapat menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan sosial, selalu mengalami konflik diri, berasa bimbang, bersalah dan sukar menyesuaikan dengan keperluan-keperluan alam sekitarnya.

2.1.3 Teori Sosiologi

Ahli sosiologi mengkaji aspek tingkah laku delinkuen daripada perspektif pemindahan budaya. Shaw dan McKay (1931) menjelaskan

bahawa perlakuan jenayah dipelajari melalui proses komunikasi dan interaksi dengan orang lain. Perlakuan delinkuen dipindahkan dari satu kelompok kepada kelompok yang lain atau satu generasi kepada generasi yang lain.

Ahli-ahli sosiologi berpendapat tingkah laku delinkuen pelajar adalah disebabkan oleh pengaruh struktur sosial yang devian, tekanan kumpulan, peranan sosial, status sosial, atau simbol dalaman yang keliru (Kartini Kartono, 1986). Dalam pendekatan sosiologi juga menyatakan bahawa faktor budaya dan sosial mempengaruhi struktur institusi-institusi sosial, peranan individu dalam masyarakat dan kumpulan sosialnya. Menurut Suherland (Suherland & Cressey, 1960) dalam Kartini Kartono (1986), pelajar yang delinkuen disebabkan oleh keterlibatan mereka di tengah-tengah persekitaran sosialnya, di mana idea dan teknik delinkuen tertentu dijadikan wadah yang efektif untuk mengatasi kesulitan hidupnya. Hubungan sosial yang sedang berlangsung itu, membesarkan lagi kemungkinan pelajar melakukan delinkuen.

Merton (1959) mengaitkan teori ini dengan sebab-sebab berlakunya jenayah daripada perspektif tingkah laku devian. Menurutnya devian berlaku kerana wujudnya jurang antara matlamat seseorang dengan masyarakat. Misalnya semua orang inginkan kekayaan tetapi persoalannya cara untuk mencapai hasrat itu berbeza-beza. Seorang yang ingin menjadi kaya boleh mengikut jalan yang dihalalkan oleh undang-undang dan agama atau sebaliknya seperti mencuri, merompak, mengedar dadah, menipu dan sebagainya.

Howard (1963) dalam bukunya *The Outsider* telah mengemukakan Teori Label. Beliau menyatakan bahawa label boleh menyebabkan seseorang bertingkah laku delinkuen. Menurutnya perlakuan delinkuen berlaku kerana

terdapat kelompok tertentu dalam masyarakat yang boleh memaksa peraturan kepada kelompok lain. Tindakan melabelkan seseorang sebagai devian atau delinkuen akan membawa kenyataan dan ramalan sempurna sendiri. Contohnya seorang yang dilabelkan sebagai jahat dan ganas akan menyebabkan beliau akan mempercayai label yang diberikan kepadanya. Beliau seterusnya akan bertingkah laku seperti yang dilabelkan.

Selain itu, menurut Ibrahim Mamat (1997), tingkah laku buruk pelajar telah dipupuk oleh keadaan sekitar yang tidak menyenangkan. Alam sekeliling merupakan faktor utama menyebabkan berlakunya pelbagai salah laku pelajar. Keadaan ini muncul kerana masyarakat mengalami perubahan besar akibat daripada perkembangan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia yang menimbulkan pelbagai kesan sampingan.

2.2 Jenis Delinkuen dan Kenakalan yang Dilakukan

Banyak kajian tentang delinkuen yang dilakukan di barat mahupun di negara kita. Terdapat berbagai-bagai kesalahan yang dilakukan oleh pelajar seperti bertumbuk, memasuki kongsi gelap, berjudi, mencuri, mengugut, merompak, menagih alkohol dan dadah. Berdasarkan rekod polis terdapat 1566 kes jenayah melibatkan pelajar pada tahun 1987. Kes tersebut meliputi kes rogol, bunuh, samun, curi, dadah, peras ugut dan berjudi (Berita Harian, 1 Ogos 1988).

Satu kajian yang melibatkan 3 360 buah sekolah rendah dan 937 menengah di negara ini telah dijalankan pada tahun 1986. Bilangan pelajar sekolah rendah yang terlibat seramai 1 464 802 orang daripada 2.1 juta dan 1 077 534 pelajar sekolah menengah daripada 1.2 juta. Didapati daripada kajian ini seramai 112 697

orang pelajar dari sekolah rendah dan menengah telah melakukan kesalahan (Mokhtar, 1988).

Jadual 2.1 Sepuluh jenis salah laku yang paling kerap dilakukan oleh pelajar di Malaysia (1986)

Jenis Salah Laku	Bil. Pelajar	Peratus
Datang lewat	27 720	1.10
Ponteng sekolah	24 603	0.96
Berambut panjang	11 410	0.45
Ingkar dan bersikap degil	8 718	0.34
Bergaduh / bertumbuk	7 158	0.28
Menghisap rokok	6 158	0.24
Lalai / cuai terhadap pelajaran	4 583	0.18
Menunjukkan sikap bongkak dan kurang sopan	3 773	0.16
Mencuri	3 192	0.13
Berpakaian tidak mengikut Peraturan	2 629	0.10

Sumber: Berita Harian 19 Oktober 1988

Jadual 2.1 menunjukkan bahawa datang lewat dan ponteng sekolah merupakan dua kesalahan yang paling tinggi yang dilakukan oleh pelajar. Ini menunjukkan daripada setiap 100 orang pelajar, seorang telah melakukan kesalahan datang lewat dan ponteng sekolah. Angka besar kemungkinan meningkat apabila dibuat kajian tentang sekolah menengah sahaja. Sehubungan itu semua pihak yang

terlibat dengan alam pendidikan tidak seharusnya memandangi masalah ini. Hasil daripada kajian tersebut juga didapati ramai bilangan yang terlibat dengan tingkahlaku yang dianggap berat. Semua pihak seharusnya berusaha dan mengambil langkah yang positif sebelum masalah menjadi lebih serius.

Jadual 2.2 Antara salah laku paling kerap melibatkan pelajar di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan (1985).

Salah laku	Bilangan
Membuat bising semasa guru mengajar	203
Tidak memberi perhatian semasa guru mengajar	202
Melanggar peraturan sekolah	181
Datang lewat	176
Degil pada guru	130
Berambut panjang	139
Bergaduh	69
Membawa gambar lucu	10
Merosakkan harta sekolah	35

Sumber: Zakaria Setapa, Mastika Februari 1990, hlmn 7.

Satu kajian yang dilakukan oleh Jabatan Pendidikan Trengganu sepanjang tahun 1987 mengenai salah laku (Berita Harian, 25 Ogos 1988). Kajian ini mendapati 13 452 kes berlaku di Trengganu. Di antara kesalahan yang dilakukan oleh pelajar ialah berambut panjang (22.5%), berpakaian tidak mengikut peraturan (13.6%), ponteng kelas (9.3%), merokok (8.1%) dan ponteng sekolah (8.0%).

Keputusan kajian di Trengganu dan di seluruh negara mempunyai persamaan dengan kajian yang telah dijalankan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Antara kesalahan yang menonjol seperti membuat bising, datang lewat ke sekolah, degil pada guru, tidak memberi perhatian kepada guru, berambut panjang dan bergaduh. (Sila rujuk jadual 2.2)

Rahimah (1982) dalam kajiannya ke atas 70 pelajar perempuan di sebuah sekolah menengah di Kajang. Beliau mendapati di antara kesalahan yang paling tinggi sekali ialah memakai barang kemas ke sekolah (77%) dan ponteng kelas semasa pelajaran sedang disampaikan (70%). Manakala Jaafar (1977) yang telah membuat kajian di dua belas sekolah menengah di Wilayah Persekutuan. Kajian ini bermula dari Januari hingga September 1976. Hasil kajian ini menunjukkan daripada purata jumlah murid 16 631 orang, didapati purata tidak hadir sebanyak 5 086 orang. Purata ponteng sebanyak 704 orang (6.1%).

Seramai 399 orang pelajar tingkatan 4 yang telah di dipilih iaitu terdiri daripada 242 orang pelajar lelaki dan 157 orang pelajar perempuan di SMK Teknik Keningau telah diambil untuk menjadi sampel kajian yang dilakukan oleh Maznah (2005). Kajian beliau mendapati bahawa secara keseluruhan daripada dua belas salah laku yang telah disenaraikan, hasil kajian mendapati penglibatan paling tinggi adalah ponteng di mana 55.13% dari responden pernah ponteng sekolah. Ini menunjukkan lebih dari separuh pelajar tingkatan empat yang dikaji pernah ponteng sekolah. Persoalan yang timbul ialah apakah yang menyebabkan pelajar ini ponteng, ke mana mereka semasa ponteng dan apakah yang mereka lakukan. Perkara ini mungkin ada hubung kaitnya dengan penglibatan pelajar di dalam kegiatan jenayah yang semakin meningkat.

Jadual 2.3 Antara salah laku paling kerap melibatkan pelajar di SMK Teknik Keningau (2005).

Salah Laku Sosial	Peratus
Ponteng sekolah	55.13
Membuli kawan	36.34
Bergaduh di kawasan sekolah	34.08
Minum minuman keras	33.33
Bergaduh di luar kawasan sekolah	31.32
Mencuri di luar kawasan sekolah	24.81
Menonton video lucah	24.8
Bercumbuan dengan pasangan	7.51
Mencuri di asrama	5.01
Merosakkan kereta guru	3.00
Mengambil dadah	1.7
Mengadakan hubungan seks	1.25

Sumber: Maznah SM Teknik Keningau, Sabah , 2005

Ini diikuti dengan salah laku membuli kawan sebanyak 36.34%. Peratusan yang agak tinggi ini amat membimbangkan kerana ini seakan menjadi satu petunjuk bahawa kegiatan membuli kawan sudah menjadi semakin serius. Seakan ada kaitan dengan perbuatan membuli kawan, salah laku yang seterusnya ialah bergaduh di kawasan sekolah. Dapatan ini memang mempunyai perkaitan di mana biasanya pergaduhan berlaku berikutan daripada perselisihan faham atau pergaduhan yang berlaku di sekolah biasanya berlarutan sehingga selepas waktu persekolahan. Semua pihak mestilah mengambil perhatian yang serius tentang perkara ini kerana kejadian

buli dan bergaduh ini boleh menyebabkan kejadian jenayah yang lebih berat lagi (Maznah, 2005).

Meminum minuman keras terletak di tangga ke lima mengikut jadual dapatan kajian ini. Banyak faktor yang mungkin menyumbang kepada hasil dapatan ini. Ini termasuklah budaya masyarakat di negeri Sabah di mana meminum minuman keras di upacara keramaian seperti kenduri dan kematian adalah menjadi budaya dalam kalangan mereka. Apa yang membimbangkan ialah mungkin kerana terikut-ikut dengan budaya tersebut, terdapat juga pelajar yang beragama Islam mengaku meminum minuman keras.

Hasil kajian juga menunjukkan peratusan yang agak tinggi bagi menonton video lucah. Perkara ini perlu dipandang serius oleh semua pihak termasuk ibu bapa kerana ini adalah antara gejala yang tidak sihat dan boleh menyumbang kepada masalah seks rambang, kelahiran anak luar nikah yang akan menambahkan lagi masalah sosial dalam kalangan masyarakat sehingga ada yang sanggup membunuh bayi yang tidak berdosa.

Berdasarkan beberapa kajian di atas, didapati ponteng sekolah dan kelas merupakan fenomena di semua tempat. Kadar ponteng sekolah dan kelas adalah tinggi di semua tempat yang dikaji. Salma (1984) mengaitkan masalah ponteng sekolah yang tinggi dalam kalangan pelajar dengan masalah ibu bapa. Menurutnya, ibu bapa tidak menunjukkan minat terhadap kerja sekolah serta tidak menunjukkan reaksi yang positif terhadap pelajaran atau masalah ujian.

Sehubungan itu, ponteng sekolah dan kelas mempunyai kesan terhadap pelajaran pelajar. Ismail (1982) mengatakan kegagalan dalam peperiksaan sekolah mempunyai kaitan dengan kejadian ponteng. Beliau mengatakan bahawa lebih ramai pelajar yang ponteng itu gagal dalam peperiksaan berbanding dengan yang tidak ponteng.

Apabila diteliti jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar di luar negeri didapati sedikit perbezaan mengenai jenis kesalahan yang dilakukan. Rankin (1983) telah membuat kajian ke atas 2 067 remaja. Beliau mendapati jenis kesalahan yang dilakukan ialah ponteng (42.6%), menceroboh (36.1%), mencuri (35.7%), merosakkan harta benda (29.1%), bertumbuk (14.5%), menyerang (24.6%) dan mengugut (24.2%)

Kajian Natriello (1984) pula mendapati bahawa terdapat pelajar yang tidak mahu melibatkan diri dalam kegiatan sekolah. Pelajar itu mengambil tindakan seperti tidak datang, tidak ambil peduli dan sedikit sangat melibatkan diri. Natriello juga mendapati ada pelajar yang memaki guru dan menunjukkan isyarat lucah. Mueller (1966) menyatakan bahawa perlakuan menyeleweng dalam kalangan remaja perempuan seperti membuang masa dengan mundar-mandir tanpa tujuan, "tomboy" terlalu bebas bergaul, tidak boleh diharapkan dan bertindak agresif.

2.2.1 Jenis Delinkuen Mengikut Jantina

Secara amnya terdapat pola tertentu mengikut jantina dengan delinkuen yang dilakukan oleh kaum remaja. Sesetengah delinkuen banyak dilakukan oleh kaum perempuan dan sesetengahnya banyak dilakukan oleh kaum lelaki. Kadang kala sesetengah delinkuen tidak dipengaruhi oleh jantina sebagai pembolehubah yang utama, faktor umur remaja juga berhubungkait.

Ab. Alim (1988) dalam kajiannya di dua buah sekolah mendapati 77.6% pelajar lelaki terlibat dengan kesalahan di sekolah. Hanya 22.4% pelajar perempuan terlibat dengan kesalahan tersebut. Ini menunjukkan pelajar lelaki lebih banyak melakukan kesalahan berbanding dengan pelajar perempuan. Kajian Kandiah (1982) yang dijalankan ke atas 3 156 remaja. Beliau mendapati 97.6% remaja lelaki dan

hanya 2.4% remaja perempuan yang terlibat dengan perintah mahkamah ke institusi pemulihan.

Banyak kajian menunjukkan lelaki lebih agresif daripada perempuan. Kajian-kajian Leibert dan Boran (1972). Pederson dan Bell (1970) dan Shortell dan Biller (1970) mendapati kanak-kanak lelaki lebih agresif daripada kanak-kanak perempuan. Peranan tertentu bagi sesuatu jantina sudah terbentuk sejak kecil lagi. Proses sosialisasi peringkat awal telah dibentuk tentang peranan sesuatu jantina. Sebagai contoh, anak kecil perempuan diberikan anak patung untuk bermain dan dibelai. Ini bertujuan untuk memberikan persediaan kanak-kanak perempuan sebagai ibu. Keadaan ini sudah tentu mempengaruhi anak-anak apabila ia semakin besar dan menjangkau remaja.

Wanita yang unggul ialah mereka yang kurang agresif, kurang dominan, kurang kebebasan, lebih beremosi dan mengalami kesukaran membuat keputusan jika dibandingkan dengan lelaki (Broverman dan lain-lain, 1972). Daripada keadaan ini wujud pula seksisme yang boleh menghalang sesuatu jantina melakukan sesuatu kelakuan. Stereotaip telah melabelkan lelaki sebagai seorang yang lebih agresif daripada perempuan. Frodi dan rakan-rakan (1970) mendapati bahawa kanak-kanak lelaki digalakkan bertindak balas kepada provokasi sosial.

Aeril (1983) dalam Ab. Alim (1988) mendapati bahawa keagresifan merupakan manifestasi kemarahan. Kaum lelaki didapati lebih berkebolehan untuk menunjukkan kemarahannya. Kaum lelaki akan menjadi lebih agresif dan berani melanggar sesuatu peraturan sekolah. Manakala perempuan didapati kurang berkebolehan untuk menunjukkan kemarahannya. Sehubungan itu didapati pelajar lelaki lebih banyak melakukan kesalahan berbanding dengan pelajar perempuan merupakan sesuatu perkara yang biasa. Keadaan ini boleh diterima oleh semua masyarakat di dunia.

2.2.2 Jenis Delinkuen yang Dilakukan Mengikut Lokasi

Daripada statistik polis, jumlah remaja yang lari meninggalkan rumah adalah begitu menonjol sekali. Bandar-bandar besar mencatatkan angka yang tinggi sekali. Di Wilayah Persekutuan 102 kes, Selangor 96 kes dan Pulau Pinang 60 kes sepanjang enam bulan pertama tahun 1988 (Ab. Alim, 1988). Keadaan ini menunjukkan kes lari meninggalkan rumah berlaku di kawasan tertentu. Kes lari dari rumah berlaku di kawasan bandar kerana beberapa sebab:

- a. Di kawasan bandar terdapat kawasan setinggan. Keluarga remaja di kawasan ini berpendapatan rendah. Mereka melarikan diri untuk mencari pekerjaan untuk sara hidup sendiri atau melakukan maksiat.
- b. Suasana di kawasan setinggan tidak terkawal dan terdedah kepada berbagai-bagai tingkah laku delinkuen. Kadangkala ibu bapa mereka kurang mengawasi pergerakan remaja.
- c. Ikatan sosial dalam kalangan keluarga yang berada di kawasan bandar telah longgar. Anak remaja ingin hidup bebas kerana terpengaruh oleh rakan sebaya. Keadaan ini menyebabkan anak remaja merasakan ibu bapa mereka perlu memberi kebebasan sepenuhnya kepada mereka.

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor telah menjalankan kajian pada tahun 1976 tentang ponteng. Didapati pelajar sekolah menengah di bandar lebih banyak melakukan ponteng berbanding dengan pelajar sekolah menengah di luar bandar. Kajian ini juga mendapati pelajar di sekolah asrama penuh kes ponteng sekolah amat berkurangan jika dibandingkan dengan lain-lain sekolah harian (Hashim, 1977).

Beberapa kajian yang dilakukan di negara lain yang menyentuh masalah disiplin dan delinkuen dengan kawasan-kawasan tertentu. Di antaranya Johnstone (1971) yang membuat kajian di Chicago, beliau mendapati bahawa delinkuen remaja adalah mempunyai hubungan dengan persekitaran sosial dan latar belakang kelas sosial sesuatu keluarga. Selalunya remaja daripada keluarga status ekonomi sosial rendah lebih banyak melakukan kesalahan delinkuen.

Axentoth (1979) yang membuat kajian tentang remaja lelaki di Korea yang berumur 17 – 18 tahun. Beliau menyatakan remaja dari keluarga status ekonomi sosial rendah, lebih tinggi kadar kenakalannya. Beliau mendapati kesalahan yang paling tinggi ialah berdusta, bertumbuk, lari dari rumah, mencuri harta sekolah, mencuri yang serius dan peras ugut.

Di sini jelas bahawa terdapat perbezaan pendapat dan kajian yang menghubungkan pembolehubah lokasi, status ekonomi sosial keluarga dan persekitaran. Ketiga-tiga pembolehubah ini telah menyebabkan berlakunya tingkah laku delinkuen dan pelanggaran disiplin.

2.3 Faktor-Faktor Penyebab Berlakunya Delinkuen

Banyak faktor yang mempengaruhi delinkuen dan pelanggaran disiplin kaum remaja. Faktor-faktor ini saling kait-mengait dan lengkap melengkapi untuk membentuk satu keadaan yang unik. Keadaan ini telah dijelaskan oleh beberapa pendapat. Mohd Amin (1982) menyatakan masalah disiplin mempunyai perkaitan dengan faktor alam sekitar di rumah, hubungan guru-murid, perasaan hampa dalam pencapaian akademik, peraturan yang terlalu ketat, kesilapan sekolah dan penekanan masyarakat kelas pertengahan di dalam bilik darjah.

2.3.1 Faktor Latar Belakang Keluarga

Latar belakang keluarga dilihat berdasarkan beberapa perkara yang diadaptasi daripada ciri-ciri kekeluargaan oleh Coopersmith (1967) iaitu; perluahan kasih sayang, mengambil berat dengan masalah mereka, menunjukkan keadaan harmoni, di dalam rumah, melibatkan aktiviti di dalam keluarga, berupaya menunjukkan sikap berketrampilan apabila mereka memerlukan bantuan, dan membuat peraturan yang adil dan munasabah. (Hairunnaja Najmudin, 2003). Faktor latar belakang keluarga termasuklah saiz keluarga, gaya asuhan, status ekonomi sosial, pendidikan ibu bapa, perhubungan anak dengan ibu bapa dan sebagainya. Mat Jizat (1986) menyatakan masalah disiplin pelajar yang wujud berpunca daripada ibu bapa ialah:

- a. Ibu bapa tidak memperlihatkan peranan yang baik untuk membolehkan dicontohi.
- b. Ibu bapa tidak mengambil berat tentang kemajuan anaknya di sekolah.
- c. Suasana hidup di rumah tidak tenteram dan ibu bapa hidup berpisah.
- d. Ibu bapa daripada status ekonomi sosial rendah.

Ab. Alim (1988) dalam kajiannya mendapati bahawa lebih 50% daripada bapa pelajar yang melakukan kesalahan bekerja dalam kategori C dan D (Kumpulan sokongan I dan II). Pendapatan ibu bapa secara langsung akan memberi kesan ke atas pendapatan keluarga. Kajian ini telah menyokong kajian yang dibuat oleh Kandiah (1982) yang mendapati 40% ibu bapa dan kanak-kanak remaja yang dihantar ke pusat pemulihan di Semenanjung Malaysia mempunyai pendapatan kurang daripada RM 200 sebulan.

Grett dan Short (1974) telah membuat kajian mengenai kenakalan di tiga buah bandar iaitu Lake City, Western City dan Hill City. Mereka mendapati bahawa remaja dari status ekonomi sosial rendah banyak terlibat dengan kenakalan berbanding dengan kelas menengah dan kelas atas. Mereka juga telah menemuramah pihak polis. Polis mengatakan bahawa remaja yang datang dari status ekonomi sosial rendah terlibat semula dengan kenakalan apabila dibebaskan.

Willie (1967) telah membuat kajian di Washington D.C. ke atas seramai 6 269 orang remaja yang telah dihadapkan ke mahkamah kanak-kanak. Kajian ini telah dijalankan dari tahun 1959 hingga 1962. Beliau mendapati SES keluarga mempunyai kaitan yang teguh dengan tingkah laku kenakalan anak-anak. Keadaan kehidupan yang miskin dan sentiasa terdesak menyebabkan anak-anak mereka sering melakukan perbuatan mencuri.

Harwin (1966) yang membuat kajian di Honolulu menyatakan SES keluarga mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejadian kenakalan yang dilaporkan. Beliau mendapati satu trend yang tertentu tentang kenakalan. Menurutnya kanak-kanak yang berasal daripada keluarga pekerja kolar putih, peniaga kecil dan profesional dan ahli perniagaan lebih banyak melakukan kesalahan merosakkan harta benda. Anak-anak daripada SES rendah banyak terlibat dengan kes kecurian. Kanak-kanak dari kelas pertengahan banyak terlibat dengan mengganggu orang lain.

Saiz keluarga yang besar mempengaruhi kenakalan remaja. Kajian Rahav (1981) di Israel, mendapati tingkah laku kenakalan semakin meningkat dalam keluarga yang besar. Keluarga yang besar tidak memberi perhatian dan kasih sayang yang secukupnya kepada anak-anak. Di samping itu ibu bapa tidak berkemampuan untuk mengadakan semua keperluan untuk anak-anak mereka. Perhatian ibu bapa lebih tertumpu kepada usaha mencari rezeki untuk memenuhi keperluan asas keluarga. Jumlah pendapatan keluarga yang rendah dan saiz keluarga yang besar

menyulitkan lagi keadaan. Gobe, Hughes dan Galle (1979) berpendapat biasanya keluarga yang ramai bilangan anggota, ibu bapa mereka tidak dapat memenuhi tanggungjawab dengan sepenuhnya. Kenakalan anak-anak akan wujud bila-bila masa sahaja.

Susunan kelahiran boleh menimbulkan kenakalan. Adler (1945) telah menyatakan bahawa susunan kelahiran mempunyai pengaruh dengan masalah disiplin. Adler telah mengaitkan susunan kelahiran dengan gaya asuhan ibu bapa dan seterusnya kesan terhadap kenakalan. Contohnya anak sulung dan anak tunggal sentiasa dimanjakan. Sehubungan itu anak yang sentiasa dimanjakan mempunyai masalah kenakalan. Keadaan yang sama juga berlaku di Malaysia. Kandiah (1982) mendapati kadar anak sulung dan anak tunggal yang dihantar ke lima pusat pemulihan atas perintah mahkamah di Semenanjung Malaysia adalah lebih tinggi.

Pengkaji di barat telah mengkaji susunan kelahiran anak sulung. Di antaranya McDonald (1976) yang mengkaji anak sulung lelaki dan Edward dan Klemmack (1973) mengkaji anak sulung perempuan. Schmuck (1963), Waldron dan Routh (1981) dan Pfouts (1980) telah mengkaji anak sulung secara keseluruhan. McDonald (1976) berpendapat masalah disiplin anak sulung berpunca kerana dirinya sentiasa cemas, tertekan dan terdesak. Edward dan Klemmack (1973) mendapati anak sulung perempuan kebanyakannya tidak suka menguruskan hal ehwal rumahtangga. Remaja perempuan yang sulung selalu dikaitkan dengan sifat nakal. Pfouts (1980) yang membuat kajian ke atas 37 pasang adik-beradik. Beliau telah mengatakan anak sulung menjadi nakal melalui pengalaman. Peranan anak sulung yang cuba mengarah dan mengawal adik-beradiknya. Anak sulung ini mempunyai pengaruh dan dipercayai oleh ibu bapa mereka.

Adrey (1960) yang menyentuh perhubungan ibu bapa dan anak. Beliau menyatakan bahawa kekurangan kasih sayang daripada ibu bapa merupakan perkara yang biasa bagi remaja yang delinkuen berbanding dengan remaja yang mematuhi

undang-undang. Biasanya ibu bapa yang mengamalkan cara asuhan keras dan kasar (autokratik) dan gaya asuhan permisif mempunyai anak yang bermasalah disiplin. Mengikut Esa (1981), kesan persekitaran keras dan kasar ke atas perkembangan sahsiah kanak-kanak boleh mengakibatkan dua kemungkinan. Pertama akan melahirkan kanak-kanak yang kasar, degil, suka melawan, tidak ikut kata, keras hati dan suka mengganggu. Kemungkinan kedua ialah akan melahirkan kanak-kanak yang pemalu, sensitif, rendah hati dan suka mengasingkan diri daripada orang lain.

Ibu bapa yang sangat permisif akan menghadapi berbagai-bagai masalah. Anak-anak akan merasakan diri mereka dapat melakukan apa sahaja. Kadang kala tingkah laku ini memudaratkan diri mereka sendiri, menyusahkan orang lain atau bertentangan dengan norma bangsa, budaya dan perintah agama. Implikasinya jika kanak-kanak dibiarkan bersendirian tanpa kawalan mereka akan menjadi jahat dan tidak bersopan santun (Ab. Alim, 1994).

Umur semasa menjadi ibu merupakan satu faktor yang menyumbang gaya asuhan ibu. Ab. Alim (1988) menyatakan ibu yang muda sedikit sebanyak mengamalkan gaya asuhan yang permisif dan autokratik. Keadaan ini seterusnya akan mengakibatkan masalah disiplin. Rogozin dan lain-lain (1982) mendapati umur semasa menjadi ibu memberi kesan kepada keselesaan seorang ibu itu menjalankan tugasnya. Ibu muda ini tidak memberi perhatian yang sepenuhnya kepada anak-anak mereka. Kanak-kanak yang diasuh secara tidak sempurna dan tidak tenteram akan membentuk konsep sendiri yang negatif. Akibatnya kanak-kanak itu menunjukkan kelakuan yang nakal. Mereka mendapati bahawa ibu yang berusia muda boleh menyebabkan penyesuaian peranan sebagai ibu menjadi rumit. Ibu yang muda tidak dapat menahan perasaan marah dan tidak boleh membentuk disiplin yang sempurna terhadap anak-anak.

Philiber dan Graham (1981) mendapati 8% ibu muda mengamalkan sikap menyindir dan menghukum anak. 25% bersikap memarahi serta menengking anak

dan 19% bersikap memusuhi serta menengking anak. Ini menunjukkan ibu yang muda selalunya tidak stabil emosi dan mengamalkan gaya asuhan autokratik. King dan Fullard (1982) mendapati ibu muda tidak sabar, tiada bertolak sabar terhadap anak kecil. Keadaan ini bertambah buruk jika ibu itu belum bersedia menjadi ibu. Ibu muda secara tidak disedari telah membentuk anak-anak bermasalah disiplin dan nakal.

Anak-anak yang membesar dalam situasi ini kurang mendapat kasih sayang. Kebiasaannya kanak-kanak ini selalunya melanggar disiplin dan undang-undang seperti yang dijelaskan oleh Shipman (1972). Beliau mendapati bahawa kekurangan kasih sayang daripada ibu bapa merupakan perkara biasa bagi remaja yang bermasalah. Roosa dan lain-lain (1982) mendapati ibu yang dewasa bersikap positif sebagai ibu dan status ekonomi sosial yang tinggi. Ibu dewasa dapat membentuk rumah tangga sempurna dan mengamalkan corak interaksi yang positif terhadap anak. Ibu yang dewasa dapat menyediakan persekitaran yang teratur dan sempurna bagi perkembangan anak-anak. Di sini jelas bahawa umur seseorang itu merupakan satu faktor ke arah tingkah laku delinkuen anak-anak

Penceraian ibu bapa boleh menyebabkan anak-anak menjadi nakal. Rankin (1983) yang membuat kajian ke atas remaja yang berumur 11 hingga 18 tahun. Beliau mendapati remaja daripada keluarga yang bercerai 2.7 kali ganda melakukan kesalahan berbanding dengan keluarga yang hidup bersama. Kelakuan itu seperti lari dari rumah, nakal dan bergaduh.

Penceraian dan ketiadaan ibu kandung memberi kesan kepada tingkah laku anak-anak. Kulka dan Welgortine (1979) dalam kajiannya di Amerika Syarikat selama 20 tahun (1957 – 1976) ke atas 2 460 remaja yang ibu bapa mereka bercerai. Kulka dan Welgortine mendapati anak-anak yang berkelakuan nakal untuk menghilangkan kerunsingan yang dihadapi kerana kehilangan ibu dan bapa. Anak-anak itu terpaksa berhadapan dengan situasi yang baru yang mengganggu emosi.

Anak-anak perlu menyesuaikan diri dengan bapa tiri atau ibu tiri dan adik-beradik tiri.

Kandiah (1982) yang membuat kajian ke atas 624 orang kanak-kanak dan remaja yang ditempatkan di pusat pemulihan. Beliau mendapati 14% remaja tinggal bersama ibu bapa tiri atau ibu tiri dan bapa. Sebanyak 15% tinggal bersama ibu sahaja dan 5% bersama bapa sahaja. Parish dan Kappes (1980) membuat kajian untuk mengetahui akibat pelajar kehilangan bapa. Mereka mendapati perbezaan tingkah laku pelajar yang bapa bercerai hidup akan menjadi antisosial, agresif dan melibatkan diri dalam kancah seks pada umur yang masih muda. Keadaan ini terjadi akibat perasaan dendam yang telah ditanam oleh ibu mereka akibat dari perceraian.

2.3.2 Faktor Rakan Sebaya

Kebanyakan remaja lebih dipengaruhi oleh rakan sebaya kerana mereka merasakan diri mereka lebih dihormati oleh rakan-rakan mereka sedangkan keadaan hormat-menghormati ini mungkin kurang berlaku dalam keluarga (Susman et.al.1994). Remaja biasanya akan memilih rakan sebaya yang mempunyai persamaan tingkah laku, sikap dan identiti dengan mereka (Akers, Jones & Coyle, 1998; Hogue & Steinberg, 1995). Selain dipengaruhi mereka juga didominasi oleh rakan sebaya (Brown, 1990)

Berndt (1979) telah membuat suatu kajian tentang kecenderungan menurut seseorang remaja. Beliau mendapati bahawa kecenderungan rakan sebaya paling tinggi pada umur 14 hingga 15 tahun. Malah konflik dengan ibu bapa paling banyak berlaku pada tahap ini. Ini kerana kecenderungan menurut tingkah laku anti sosial paling tinggi pada umur ini. Remaja lebih cenderung menurut pengaruh rakan sebaya kerana mereka berada dalam proses membebaskan diri daripada pengaruh ibu bapa dan mereka mula berfikir untuk diri sendiri.

Ab. Alim (1994) berpendapat, manusia merupakan makhluk yang mempunyai keinginan untuk berinteraksi dan membentuk kelompok sosial sendiri. Biasanya kelompok sosial kanak-kanak dan remaja dibentuk secara tidak langsung. Kelompok ini tidak teratur dari semua segi. Keanggotaan dan rancangannya adalah tidak teratur. Biasanya keanggotaannya adalah terdiri daripada peringkat umur yang hampir sama. Anggota kelompok atau klik ini akan terpengaruh dengan tingkah laku devian dan melanggar disiplin. Remaja akan mempelajari tingkah laku daripada anggota kelompoknya itu. Erikson (1972) dalam kajiannya berpandukan laporan data daripada pihak polis dan temuduga dengan remaja. Beliau mendapati apabila remaja berkawan dengan kelompok jahat, mereka akan turut menjadi jahat. Setiap anggota akan terdedah dengan pengalaman delinkuen rakan sebaya.

Ab. Alim (1988) mengatakan bahawa pelajar setuju bahawa rakan sebaya mempengaruhi tingkah laku mereka. Keadaan ini menunjukkan pelajar telah sedar tentang pengaruh rakan sebaya dalam hidup mereka. Satu persoalan yang perlu diteliti ialah pelajar itu perlu dibimbing untuk mencari kawan yang baik dan bermoral. Apabila keadaan ini dapat di atasi masalah pelanggaran disiplin dan delinkuen dapat dikurangkan.

Sutherland (1949) menyatakan tingkah laku delinkuen wujud kerana dipelajari dari rakan sebaya. Beliau telah mengemukakan teori jenayah adalah:

- a. Dipelajari melalui proses interaksi dengan rakan sebaya.
- b. Pengaruh sahabat karib sangat kuat bagi mempelajari tingkah laku jenayah.

Kajian ponteng oleh Ismail (1982) telah menyokong kenyataan di atas. Beliau mendapati bahawa rakan sebaya mempengaruhi ketiga-tiga kumpulan pelajar yang dikajinya. Kemungkinan rakan mereka yang ponteng itu pelajar yang tercicir,

mengganggu dan terlibat dengan kegiatan penagihan dadah. Rakan sebaya sebenarnya menyokong dan mendorong pelajar melakukan kesalahan secara tidak disedari. Gold (1970) mendapati bahawa pelajar lebih cenderung melakukan kesalahan bersama kawan-kawan. Ini menunjukkan bahawa rakan sebaya sangat mempengaruhi tingkah laku delinkuen dan pelanggaran disiplin dalam kalangan pelajar.

2.3.3 Faktor Kecerdasan Emosi Individu

Pada awal tahun 1940, David Wechsler telah memulakan perbincangan tentang konsep kecerdasan. Menurut beliau, terdapat dua unsur kecerdasan iaitu kecerdasan kognitif dan kecerdasan bukan kognitif. Thorndike telah berbincang tentang konsep kecerdasan sosial pada 1920 dan telah dianggap sebagai asas kepada perkembangan teori kecerdasan emosi (Goleman, 1995).

Pada tahun 1980, Dr Reuven Bar-on memulakan penyelidikan untuk mengenal pasti kejayaan dan kebolehan seseorang dalam kehidupannya berbanding orang lain. Daripada keputusan penyelidikannya, beliau mendapati banyak faktor kecerdasan bukan kognitif telah menyumbang dalam kejayaan seseorang dalam kehidupannya. Pada tahun 1985, Dr Reuven Bar-on mencipta istilah EQ (Emotional Quotient) untuk menggambarkan pendekatannya dalam penilaian terhadap kecerdasan umum. Beliau menerangkan kecerdasan emosi mencerminkan kebolehan seseorang berunding secara baik dengan orang lain dan pengawalan terhadap diri sendiri.

Manakala Higgs dan Dulewicz (1999) telah mentafsirkan kecerdasan emosi sebagai memahami perasaan diri dan berupaya menangani perasaan tersebut tanpa dipengaruhi. Berkeupayaan memotivasikan diri untuk menyempurnakan kerja,

kreatif dan berusaha mencapai tahap maksimum. Higs dan Dulewicz (1999) seterusnya menambah kecerdasan emosi juga adalah perasaan sensitif terhadap perasaan orang lain serta berupaya menangani perhubungan sosial secara berkesan. Higgs dan Dulewicz (1999) telah mencadangkan tujuh elemen kecerdasan emosi iaitu pengekalan emosi, sensitiviti interpersonal, kesedaran diri, motivasi, ketegasan, pujukan dan berhemah.

Istilah kecerdasan emosi wujud dalam siri penulisan akademik John D. Mayer dan Peter Salovey pada tahun 1990, 1993 dan 1995. Mayer dan Salovey (1993) merupakan orang pertama membentangkan secara akademik tentang penemuan mereka dalam bidang kecerdasan emosi. Mereka mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai jenis kecerdasan sosial yang melibatkan kebolehan mengawal emosi diri dan orang lain, dapat membezakan antara jenis emosi, menggunakan maklumat untuk memandu pemikiran dan tindakan seseorang. Mengikut mereka, kecerdasan emosi boleh dikategori dalam lima aspek yang dominan iaitu kesedaran diri, pengawalan emosi, motivasi, empati dan berkemahiran interpersonal.

2.4 Penutup

Kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa hubungan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi mempunyai perkaitan yang kuat dengan tingkah laku delinkuen pelajar.

Data-data yang menyokong aspek ini dapat dilihat melalui kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Faktor hubungan keluarga dilihat daripada aspek latar belakang keluarga yang terdiri daripada status ekonomi sosial, tahap hubungan dalam keluarga seperti sejauh mana pelajar mempunyai hubungan

yang mesra dengan ahli keluarga yang lain, faktor umur menjadi ibu bapa, kedudukan anak dalam keluarga dan gaya keibu bapaan. Faktor-faktor ini dianggap penting kerana ia memberikan impak terhadap perkembangan sahsiah pelajar.

Selain itu, faktor rakan sebaya juga turut dilihat sebagai penyumbang kepada tingkah laku delinkuen kerana rata-rata pelajar menghabiskan sebahagian besar masa mereka di sekolah. Kerapatan pelajar dengan rakan sebaya dan perasaan ingin diterima oleh rakan sebaya membuatkan pelajar sanggup melakukan apa sahaja tingkah laku yang dianggap boleh diterima oleh rakan remaja yang lain. Tingkah laku ini tidak hanya terbatas pada tingkah laku yang diterima sahaja, malahan tingkah laku delinkuen juga turut dipraktikkan sebagai satu manifestasi mencuri perhatian semua golongan termasuk golongan remaja dan dewasa.

Begitu juga dengan faktor kecerdasan emosi, di mana faktor ini sangat mempengaruhi pelajar ketika membuat keputusan. Kecerdasan emosi yang tinggi akan membuatkan pelajar berfikir banyak kali sebelum melakukan tingkah laku yang tidak diterima oleh norma masyarakat. Begitu juga sebaliknya, sekiranya tahap kecerdasan emosi pelajar rendah mereka akan lebih mudah terpengaruh dengan tingkah laku delinkuen.

Tingkah laku delinkuen pelajar merupakan satu set tingkah laku yang tidak boleh diterima oleh norma masyarakat. Perlakuan yang ditunjukkan merupakan tingkah laku negatif yang sengaja dilakukan dengan tujuan hendak menarik perhatian ibu bapa, guru dan masyarakat. Kesemua faktor yang menyumbang kepada keterlibatan pelajar dengan tingkah laku delinkuen telah dibincangkan dengan jelas dalam bab 2.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Kaedah penyelidikan adalah merujuk kepada bagaimana sesuatu maklumat itu diperolehi. Perancangan yang teliti dapat membantu memudahkan data serta maklumat penyelidikan dikumpulkan, dianalisa dan seterusnya dinilai. Bab ini akan membincangkan dan menghuraikan secara terperinci tentang reka bentuk penyelidikan, kerangka konseptual, pembolehubah bebas, pembolehubah bersandar, lokasi kajian, subjek kajian, instrumen kajian, prosedur mendapatkan data, pemprosesan data dan penganalisan data.


3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan kaedah atau teknik yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Kajian ini merupakan kajian deskriptif dan berbentuk kuantitatif, iaitu menggambarkan sesuatu fenomena yang berlaku. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kajian

lapangan. Di dalam kajian lapangan, penyelidikan dilakukan dalam persekitaran semulajadi dan situasi yang realistik. Pembolehubah bebas dimanipulasikan oleh penyelidik dalam keadaan yang terkawal bertujuan untuk melihat pengaruhnya kepada pembolehubah bersandar. Di dalam kajian ini tiga pembolehubah bebas iaitu latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dimanipulasikan untuk melihat tahap tingkah laku delinkuen pelajar. Reka bentuk kajian ini berdasarkan model yang dibina oleh Aziz Abu Bakar (1977) di mana penyelidik telah membuat pengubahsuaian model salah laku kepada masalah salah laku yang sering berlaku di sekolah.

Berdasarkan rangka teori (rajah 1), penyelidikan dibuat untuk mengenalpasti sama ada wujud korelasi yang signifikan antara pembolehubah bebas seperti latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya dan tahap kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen. Begitu juga penyelidik ingin melihat kekuatan hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar.

Rajah 1. Hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar.



3.2 Sampel dan Persampelan Kajian

Subjek kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan empat aliran sains tulen, teknikal, perakaunan dan sastera di SMK Sri Rahmat. Jumlah populasi ialah seramai 166 orang pelajar.

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan, iaitu penyelidik dengan sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi. Sampel yang dipilih terdiri daripada 166 orang pelajar tingkatan empat untuk mewakili seluruh populasi pelajar tingkatan 4, SMK Sri Rahmat. Penyelidik dengan sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi. Sampelan seperti ini adalah model sampel tidak rawak paling ringkas dan mudah (Mohamad Najib, 1999).

3.3 Prosedur Kajian

Sebelum kajian dijalankan penyelidik telah membuat penyelidikan untuk mendapatkan maklumat kajian-kajian yang telah dibuat oleh penyelidik lain tentang masalah disiplin dalam kalangan pelajar dan puncanya.

Penyelidik mendapatkan kebenaran daripada pihak sekolah sebelum mengedarkan borang soal selidik. Penyelidik sendiri memberikan penerangan kepada pelajar berkenaan dengan tatacara menjawab soal selidik.

3.4 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar dijalankan. Menurut de Vaus (1996), kajian rintis perlu dijalankan sebelum sesebuah kajian itu dijalankan bagi menjamin kurangnya ralat dalam kajian sebenar kerana kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan telah diuji. de Vaus (1996), menyatakan bahawa dengan menggunakan jumlah sampel yang besar bagi menjamin kebolehpercayaan dan kesahan kajian yang dijalankan tanpa membuat kajian rintis terlebih dahulu merupakan langkah yang salah dalam sesebuah kajian kerana hasil kajian berkemungkinan tidak relevan disebabkan konsep atau teori yang digunakan dalam membuat item dalam soal selidik tidak diuji kebolehpercayaan dan kesahan terlebih dahulu.

Tujuan kajian rintis dibuat dalam kajian ini adalah bagi menguji kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan dalam kajian sebenar. Sebanyak 10 orang responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan tiga telah dipilih secara rawak untuk tujuan ini. Tujuan kajian rintis ini adalah seperti berikut:

- i. Ini terutamanya tertumpu kepada penggunaan istilah dan struktur ayat dalam soal selidik. Responden diminta membulatkan istilah-istilah yang mereka kurang faham maksudnya.
- ii. Untuk mengetahui sejauh mana responden memahami setiap pernyataan dan soalan ujian yang digunakan. Ini dilakukan dengan membenarkan pelajar bertanyakan penyelidik.
- iii. Untuk mengetahui sama ada pernyataan-pernyataan soal selidik bersesuaian dengan pengalaman responden di sekolah.

Hasil daripada kajian rintis ini, penyelidik telah mendapat keputusan berikut:

- i. Perkataan-perkataan dan struktur ayat yang digunakan dalam instrumen adalah mudah difahami oleh responden yang terlibat dalam kajian rintis ini.
- ii. Walaupun semua pernyataan adalah dalam pengalaman responden namun beberapa pengubahsuaian ke atas instrumen telah dilakukan. Beberapa struktur ayat dipermudahkan agar sesuai dengan pengalaman responden tanpa mengubah kehendak pernyataan asal.
- iii. Selain itu, beberapa item dalam soal selidik perlu diperbaiki kerana mempunyai min yang rendah berbanding item yang lain.
- iv. Hasil kebolehpercayaan terhadap keseluruhan item soal selidik adalah seperti berikut :

Jadual 3.1 : Kebolehpercayaan Item

Perkara	P
Hubungan dalam keluarga	0.7681
Pengaruh rakan sebaya	0.6984
Kecerdasan emosi	0.8913
Tingkah laku delinkuen	0.4808
P keseluruhan	0.7097

3.5 Pengumpulan Data

Data yang dikumpulkan dalam kajian ini diperoleh dari sumber primer. Data-data primer diperoleh daripada maklum balas pelajar tingkatan empat SMK Sri Rahmat dengan menggunakan soal selidik berstruktur yang telah disediakan lebih awal.

Soal selidik yang digunakan telah diberikan kepada setiap responden untuk dijawab oleh mereka. Proses mengumpul data dilakukan sendiri dan disemak oleh penyelidik untuk memastikan semua soal selidik dijawab oleh responden.

Kajian yang menggunakan soal selidik telah dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu:

- i. Bahagian A : Mengandungi item-item berkaitan latar belakang responden. Ini termasuklah umur, kedudukan dalam keluarga, jumlah adik beradik, tinggal dengan siapa dan mengapa tidak tinggal dengan ibu bapa.
- ii. Bahagian B : Mengandungi item-item mengenai faktor-faktor latar belakang keluarga. Ini termasuk juga umur ibu bapa, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan, jenis rumah kediaman, jenis pemilikan rumah, jumlah bilik, keselesaan, tenang dan juga tahap hubungan dalam keluarga sebanyak 14 soalan
- iii. Bahagian C : Mengandungi item-item mengenai faktor-faktor pengaruh rakan sebaya sebanyak 10 soalan.
- iv. Bahagian D : Mengandungi item-item mengenai faktor-faktor kecerdasan emosi iaitu sebanyak 20 soalan

- v. Bahagian E : Mengandungi item-item mengenai tahap salah laku pelajar iaitu sebanyak 28 soalan

3.6 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat mengumpulkan maklumat. Instrumen dibina untuk meninjau sumbangan latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya dan tahap kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen pelajar.

3.6.1 Soal Selidik Latar Belakang Keluarga

Soal selidik mengenai latar belakang keluarga dilihat daripada umur ibu bapa, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan, jenis rumah kediaman, jenis pemilikan rumah, jumlah bilik, keselesaan, tenang dan juga tahap hubungan dalam keluarga. Selain itu dilihat juga penglibatan keluarga dalam masalah sosial.

Item hubungan pelajar dalam keluarga termasuklah dalam soalan 1 hingga 14. Skala 5 mata digunakan iaitu 5 sebagai skor yang tertinggi dan 1 sebagai skor terendah seperti ditunjukkan di bawah ini.

5	-	sangat setuju
4	-	setuju
3	-	kadang-kadang setuju
2	-	tidak setuju
1	-	sangat tidak setuju

3.6.2 Soal Selidik Rakan Sebaya

Bagi melihat pengaruh rakan sebaya, penyelidik menyediakan soal selidik yang mengandungi 10 soalan untuk mengukur tinggi atau rendah pengaruh rakan sebaya terhadap tingkah laku delinkuen pelajar. Respons bagi item-item yang digunakan dalam soal selidik ini mengikut skala 5 mata seperti berikut:

- 5 - sangat setuju
- 4 - setuju
- 3 - kadang-kadang setuju
- 2 - tidak setuju
- 1 - sangat tidak setuju

Pemberatan item ini diterbalikkan nilainya sekiranya item-item itu berbentuk negatif. Item tersebut ialah soalan 1, 3, 5, 7 dan 10. Kedua-dua nilai positif dan negatif ini kemudiannya dicampurkan untuk mendapatkan min bagi aspek-aspek yang dikaji. Ini dapat ditunjukkan dalam rajah berikut :

Jadual 3.2 : Item-item Pengaruh Rakan Sebaya Skor Positif dan Negatif

Item yang berbentuk positif (Pemberatan skor 5 sebagai tertinggi dan 1 paling rendah)	Item yang berbentuk negatif (Pemberatan skornya diterbalikkan di mana jawapan 5 adalah paling rendah dan 1 paling tinggi)
2, 4, 6, 8, 9	1, 3, 5, 7, 10

3.6.3 Soal Selidik Kecerdasan Emosi

Bagi melihat pengaruh kecerdasan emosi, penyelidik menyediakan soal selidik yang mengandungi 20 soalan untuk mengukur tinggi atau rendah pengaruh kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen pelajar. Respons bagi item-item yang digunakan dalam soal selidik ini mengikut skala 5 mata seperti berikut:

- 5 - sangat setuju
- 4 - setuju
- 3 - kadang-kadang setuju
- 2 - tidak setuju
- 1 - sangat tidak setuju

Pemberatan item ini diterbalikkan nilainya sekiranya item-item itu berbentuk negatif. Item tersebut ialah soalan 1, 3, 4, 6, 7, 11, 13, 15, 19 dan 20. Kedua-dua nilai positif dan negatif ini kemudiannya dicampurkan untuk mendapatkan min bagi aspek-aspek yang dikaji. Ini dapat ditunjukkan dalam rajah berikut :

Jadual 3.3 : Item-item Pengaruh Kecerdasan Emosi Skor Positif dan Negatif

Item yang berbentuk positif (Pemberatan skor 5 sebagai tertinggi dan 1 paling rendah)	Item yang berbentuk negatif (Pemberatan skornya diterbalikkan di mana jawapan 5 adalah paling rendah dan 1 paling tinggi)
2, 5, 8, 9, 10, 12, 14, 16, 17, 18	1, 3, 4, 6, 7, 11, 13, 15, 19, 20

3.6.4 Soal Selidik Tingkah Laku Delinkuen

Soal selidik mengenai tingkah laku delinkuen telah disediakan sebanyak 28 item.

Skala 5 mata digunakan iaitu 5 sebagai skor yang tertinggi dan 1 sebagai skor terendah seperti ditunjukkan di bawah ini.

5	-	lebih sepuluh kali
4	-	7 hingga 10 kali
3	-	4 hingga 6 kali
2	-	1 hingga 3 kali
1	-	langsung tidak pernah

3.7 Analisis Data

Data yang telah dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan progm SPSS (*Statistic Package for Social Science*). Hasil daripada analisis ini digambarkan dalam bentuk jadual. Statistik kekerapan, Min dan peratus digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh tersebut.

Bagi mengukur tahap min untuk setiap skor mengikut aspek yang dikaji, tahapnya adalah seperti berikut:

Jadual 3.4 : Tahap Min untuk Skor

Min	Tahap
1.0 – 2.33	Tahap rendah
2.34 – 3.67	Tahap sederhana
3.68 – 5.0	Tahap tinggi

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Pada bab ini, huraian dapatan serta analisis kajian yang diperolehi dari responden ketika menjalankan ujian di SMK Sri Rahmat dikemukakan. Bab ini juga merupakan huraian daripada soal selidik yang diberikan kepada pelajar yang menjadi sampel kajian. Bagi tujuan itu, semua data yang telah diperolehi dianalisis mengikut objektif kajian ini.

Borang soal selidik terdiri daripada 5 bahagian iaitu A, B, C, D dan E. Bahagian A merupakan latar belakang pelajar, bahagian B tentang latar belakang dan hubungan keluarga, bahagian C mengenai pengaruh rakan sebaya, bahagian D mengenai kecerdasan emosi dan bahagian E berkaitan dengan tingkah laku delinkuen.

Analisis data dilakukan berasaskan soal selidik yang telah dijalankan ke atas 166 orang pelajar tingkatan empat SMK Sri Rahmat, Johor Bahru.

4.2 Analisa Latar Belakang Pelajar

Latar belakang pelajar meliputi aspek umur dan jantina. Kajian ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar yang terlibat dengan kajian adalah berumur 16 tahun iaitu sebanyak 147 orang (88.6%) diikuti oleh 17 tahun iaitu seramai 18 orang (10.8%) dan 15 tahun hanya seorang (0.6%)

Jadual 4.2(a) : Jumlah Pelajar Mengikut Umur

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
15 tahun	1	0.6
16 tahun	147	88.6
17 tahun	18	10.8
Jumlah	166	100

Dalam jadual 4.2 menunjukkan 75 orang (45.2%) responden terdiri daripada perempuan dan 91 orang (54.8%) yang lain adalah lelaki.

Jadual 4.2 (b) : Jumlah Pelajar Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Perempuan	75	45.2
Lelaki	91	54.8
Jumlah	166	100

4.3 Tahap Hubungan Dalam Keluarga

Kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan tahap hubungan dalam keluarga adalah sederhana di mana min bagi item ini ialah 3.67. Beberapa aspek menunjukkan skor min berada di tahap yang agak rendah iaitu bagi pelajar membuat keputusan bersama dengan keluarga pada min 3.36, keluarga tempat mencurahkan masalah pada min 3.40, aspek pelajar berbincang dengan keluarga jika ada masalah pada min 3.46, ibu bapa pelajar mendengar masalah dengan baik pada min 3.49 . Ini dapat dilihat pada item 4, 1, 2 dan 3.

Beberapa aspek hubungan dalam keluarga menunjukkan tahap hubungan yang agak sederhana. Ini termasuklah aspek keluarga meluangkan masa jika ada kelapangan pada min 3.53, mendapat pujian jika lakukan kebaikan pada min 3.66, keluarga berikan galakan apa yang diminati pada min 3.73 dan berasa tenteram bersama ahli keluarga pada min 3.75. Ini dapat dilihat pada item 12, 8, 7 dan 11.

Kajian menunjukkan tahap hubungan dalam keluarga yang tinggi meliputi aspek makan bersama keluarga pada min 3.87, mesra dengan ahli keluarga pada min 3.90, ibu bapa bertanya berjalan dengan siapa pada min 3.96 dan ibu bapa bertanya jika pulang lewat pada min 4.13. Ini dapat dilihat pada item 9, 10, 6 dan 5.

Jadual 4.3 Tahap Hubungan Dalam Keluarga

Bil	Item Hubungan Dalam Keluarga	MIN	SP	Aras
1	Keluarga tempat mencurahkan masalah.	3.40	1.17	sederhana
2	Bincang dengan keluarga jika ada masalah	3.46	1.07	sederhana
3	Ibu bapa mendengar masalah dengan baik	3.49	1.13	sederhana
4	Keputusan dibuat secara bersama	3.36	1.11	sederhana

5	Ibu bapa bertanya jika pulang lewat	4.13	1.04	tinggi
6	Ibu bapa bertanya berjalan dengan siapa	3.96	1.10	tinggi
7	Keluarga berikan galakan apa yang diminati	3.73	1.11	tinggi
8	Mendapat pujian jika lakukan kebaikan	3.66	1.16	sederhana
9	Makan bersama keluarga	3.87	1.10	tinggi
10	Mesra dengan ahli keluarga	3.90	1.00	tinggi
11	Tenteram bersama ahli keluarga	3.75	1.06	tinggi
12	Keluarga meluangkan masa jika ada kelapangan	3.53	1.08	sederhana
	Min Keseluruhan	3.67	0.41	sederhana

N = 166

4.4 Tahap Pengaruh Rakan Sebaya

Pengaruh rakan sebaya dapat dilihat dalam jadual 4.4, di mana jadual ini menunjukkan taburan min responden berada pada tahap sederhana iaitu 3.24. Aspek pengaruh rakan sebaya yang berada ditahap rendah ialah melakukan salah laku kerana desakan rakan pada min 2.16, tidak mempunyai ramai kawan pada min 2.30, pergi ke sekolah kerana ingin bersama rakan pada min 2.63, rakan tidak membantu apabila ada masalah pada min 2.63, tidak suka mengadu masalah kepada rakan dan jarang bertanya rakan apabila ingin membuat sesuatu 2.83. Ini dapat dilihat pada item 9, 1, 6, 7, 3 dan 5.

Aspek-aspek yang berikut pula menunjukkan aspek pengaruh rakan sebaya yang tinggi iaitu berbincang mengenai masa depan dengan kawan pada min 3.62 dan rakan selalu berkongsi pendapat tentang masalah yang dihadapi pada min 3.63. Ini dapat dilihat pada item 2 dan 4. Manakala aspek pengaruh rakan sebaya yang sederhana dapat dilihat pada masa lapang dihabiskan dengan rakan pada min 3.02

dan tidak mudah terpengaruh dengan kehendak rakan pada min 3.22. Ini dapat dilihat pada item 8 dan 10.

Jadual 4.4 Aspek Pengaruh Rakan Sebaya

Bil	Item Pengaruh Rakan Sebaya	MIN	SP	Aras
1	Tidak mempunyai ramai kawan	2.30	1.13	rendah
2	Berbincang mengenai masa depan dengan kawan.	3.63	1.09	sederhana
3	Tidak suka mengadu masalah kepada rakan	2.83	1.16	sederhana
4	Rakan selalu berkongsi pendapat tentang masalah yang dihadapi	3.62	1.02	sederhana
5	Jarang bertanya rakan apabila ingin membuat sesuatu	2.84	1.08	sederhana
6	Pergi ke sekolah kerana ingin bersama rakan	2.63	1.17	sederhana
7	Rakan tidak membantu apabila ada masalah.	2.63	1.17	sederhana
8	Masa lapang dihabiskan dengan rakan.	3.02	1.08	sederhana
9	Melakukan salah laku kerana desakan rakan.	2.16	1.08	rendah
10	Tidak mudah terpengaruh dengan kehendak rakan.	3.22	1.24	sederhana
	Min Keseluruhan	3.24	0.43	sederhana

N = 166

4.5 Tahap Kecerdasan Emosi Pelajar

Tahap kecerdasan emosi pelajar dapat dilihat dalam jadual 4.5 di mana jadual ini menunjukkan taburan min responden dalam aspek kecerdasan emosi pelajar berada pada tahap sederhana iaitu 3.34. Aspek kecerdasan emosi pelajar yang rendah dapat dilihat pada saya seorang yang penting kepada keluarga dan

kawan saya pada min 2.74, kadang-kadang menggunakan cara yang tidak betul untuk mendapatkan kejayaan pada min 2.77, kadang-kadang melakukan sesuatu perkara yang amat buruk pada min 2.77, saya berpuas hati dengan cara saya melayan orang lain pada min 2.84 dan saya menerima sesuatu tuduhan dengan tidak berasa marah pada min 2.84. Ini dapat dilihat pada item 11, 6, 7, 16 dan 10.

Aspek kecerdasan emosi pelajar yang sederhana dapat dilihat pada saya lebih suka menang daripada kalah dalam sesuatu permainan pada min 3.01, tidak dapat menahan keinginan pada min 3.07, seorang yang penyabar dan tidak cerewet pada min 3.17, selalu membuat apa yang betul pada min 3.36, saya terlalu mudah tersinggung dengan perkara yang dikatakan oleh keluarga saya pada min 3.41, saya seorang yang penting kepada keluarga dan kawan saya pada min 3.47 dan saya cuba menyenangkan hati orang lain tetapi tidaklah sampai melampaui batas pada min 3.48. ini dapat dilihat pada item 20, 1, 8, 5, 13, 12 dan 17.

Dalam melihat aspek kecerdasan emosi pelajar, hasil kajian juga menunjukkan beberapa perkara berada pada tahap yang tinggi. Ini termasuklah aspek tidak dapat menahan keinginan pada min 3.51, saya dapat melihat sifat-sifat yang baik pada semua orang yang saya temui pada min 3.57, saya tidak berasa selesa bila berada dengan orang lain pada min 3.60, saya cuba berlaku adil dengan kawan dan keluarga saya pada min 3.77, saya membenci keadaan yang berlaku di sekeliling saya pada min 3.77, tidak sepatutnya berbohong pada min 3.81, saya harap saya tidak mudah mengaku kalah pada min 3.84 dan ingin lebih dipercayai pada min 3.94. Ini dapat dilihat pada item 2, 18, 19, 14, 15, 4, 9 dan 3.

Jadual 4.5 Aspek Kecerdasan Emosi Pelajar

Bil	Item Kecerdasan Emosi Pelajar	MIN	SP	Aras
1	Tidak dapat menahan keinginan	2.93	1.04	sederhana
2	Puas hati dengan kebolehan dan kelakuan saya	3.51	1.04	sederhana
3	Ingin lebih dipercayai	2.06	1.00	rendah
4	Tidak sepatutnya berbohong	2.20	1.08	rendah
5	Selalu membuat apa yang betul	3.36	0.89	sederhana
6	Kadang-kadang menggunakan cara yang tidak betul untuk mendapatkan kejayaan	3.23	1.13	sederhana
7	Kadang-kadang melakukan sesuatu perkara yang amat buruk.	3.23	1.17	sederhana
8	Seorang yang penyabar dan tidak cerewet	3.17	1.07	sederhana
9	Saya harap saya tidak mudah mengaku kalah	3.84	1.02	tinggi
10	Saya menerima sesuatu tuduhan dengan tidak berasa marah	2.84	1.07	sederhana
11	Saya melakukan sesuatu tanpa berfikir terlebih dahulu	3.24	1.06	sederhana
12	Saya seorang yang penting kepada keluarga dan kawan saya	3.47	1.12	sederhana
13	Saya terlalu mudah tersinggung dengan perkara yang dikatakan oleh keluarga saya.	2.60	1.04	sederhana
14	Saya cuba berlaku adil dengan kawan dan keluarga saya	3.77	0.85	tinggi
15	Saya membenci keadaan yang berlaku di sekeliling saya	3.16	1.09	sederhana
16	Saya berpuas hati dengan cara saya melayan orang lain	3.48	0.89	sederhana
17	Saya cuba menyenangkan hati orang lain tetapi tidaklah sampai melampaui batas.	3.57	0.96	sederhana
18	Saya dapat melihat sifat-sifat yang baik pada semua orang yang saya temui.	3.60	0.93	sederhana
19	Saya tidak berasa selesa bila berada dengan orang lain	2.99	1.11	sederhana
20	Saya lebih suka menang daripada kalah dalam sesuatu permainan	2.15	1.11	rendah
	Min Keseluruhan	3.34	0.67	sederhana

N = 166

4.6 Tahap Tingkah Laku Delinkuen

Kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan tahap delinkuen pelajar berada pada tahap rendah di mana minnya adalah pada 1.46. Perincian mengenai skor min dapat dilihat dalam jadual 4. 6. Beberapa aspek menunjukkan skor min pada tahap yang rendah seperti mengedar dadah pada min 1.09, ancam murid lain pada min 1.10, peras ugut pada min 1.11, berjudi pada min 1.13, merosakkan harta guru pada min 1.14, salah guna dadah pada min 1.15, mencabul kehormatan pada min 1.19 dan bawa senjata ke sekolah pada min 1.19. Ini dapat dilihat pada item 26, 24, 21, 18, 11, 4,23 dan 22.

Beberapa aspek salah laku pelajar menunjukkan skor min pada tahap yang sederhana seperti bertaruh pada min 1.26, mencero boh kawasan sekolah (selepas waktu persekolahan) pada min 1.27, mencuri pada min 1.27, terlibat dengan gangsterisme pada min 1.33, merosakkan harta sekolah pada min 1.34, tunjuk perasaan pada min 1.38, melawan guru pada min 1.41, bergaduh antara kaum pada min 1.42, membuli rakan pada min 1.48, bergaduh sesama kaum pada min 1.45 dan melawan pengawas pada min 1,50. Ini dapat dilihat pada item 28, 25, 19, 7, 10, 27, 12, 9, 17, 8 dan 20.

Manakala aspek yang berikut menunjukkan skor min pada tahap yang tinggi seperti merokok pada min 1.63, berdua-dua dengan pelajar berlainan jantina di sekolah pada min 1,67, mengganggu pengajaran dan pembelajaran pada min 1.71, melepak di kawasan sekolah pada min 1.84, balik awal pada min 1.89, melepak di pusat membeli belah/ hiburan / cybercafé pada min 1.92, datang lewat pada min 1.95, ponteng sekolah pada min 1.98 dan ponteng sekolah pada min 2.04. Ini dapat dilihat pada item 3, 15, 16, 13, 6, 14, 5, 2 dan 1.

Jadual 4.6 Aspek Tingkah Laku Delinkuen Pelajar

Bil	Item Salah Laku Pelajar	MIN	SP	Aras
1	Ponteng kelas	2.04	1.29	rendah
2	Ponteng sekolah	1.98	1.23	rendah
3	Merokok	1.63	1.35	rendah
4	Salah guna dadah	1.15	0.63	rendah
5	Datang lewat	1.95	1.19	rendah
6	Balik awal	1.89	1.09	rendah
7	Terlibat dengan gangsterisme	1.33	0.85	rendah
8	Bergaduh sesama kaum	1.45	0.91	rendah
9	Bergaduh antara kaum	1.42	0.97	rendah
10	Merosakkan harta sekolah	1.34	0.71	rendah
11	Merosakkan harta guru	1.14	0.55	rendah
12	Melawan guru	1.41	0.81	rendah
13	Melepak di kawasan sekolah	1.84	1.14	rendah
14	Melepak di pusat membeli belah/ hiburan / cybercafe	1.92	1.26	rendah
15	Berdua-dua dengan pelajar berlainan jantina di sekolah	1.67	1.22	rendah
16	Mengganggu pengajaran dan pembelajaran	1.71	1.00	rendah
17	Membuli rakan	1.48	0.95	rendah
18	Berjudi	1.13	0.56	rendah
19	Mencuri	1.27	0.74	rendah
20	Melawan pengawas	1.50	0.91	rendah
21	Peras ugut	1.11	0.47	rendah
22	Bawa senjata ke sekolah	1.19	0.68	rendah
23	Mencabul kehormatan	1.19	0.66	rendah

24	Ancam murid lain	1.10	0.40	rendah
25	Menceroboh kawasan sekolah (selepas waktu persekolahan)	1.27	0.76	rendah
26	Mengedar dadah	1.09	0.56	rendah
27	Tunjuk perasaan	1.38	0.91	rendah
28	Bertaruh	1.26	0.85	rendah
	Min Keseluruhan	1.46	0.83	rendah

N = 166

4.7 Hubungan antara Kecerdasan Emosi, Pengaruh Rakan Sebaya dan Hubungan Keluarga dengan Tingkah Laku Delinkuen

Bagi melihat hubungan kecerdasan emosi, pengaruh rakan sebaya dan hubungan keluarga dengan tingkahlaku delinkuen, dua kaedah telah digunakan. Kaedah pertama adalah dengan memisahkan responden kepada dua kumpulan berdasarkan skor median tingkahlaku delinkuan (median = 36). Kaedah ini digunakan untuk melihat perbezaan antara pelajar yang mempunyai aras delinkuen yang tinggi berbanding pelajar yang mempunyai aras delinkuen yang rendah bagi pembolehubah-pembolehubah yang difokuskan.

Berdasarkan nilai median dari jumlah keseluruhan, responden telah dibahagikan kepada dua kumpulan bagi aspek tingkah laku delinkuen iaitu kumpulan yang mempunyai tingkah laku delinkuen tinggi dan kumpulan yang mempunyai tingkah laku delinkuen yang rendah. Pembahagian ini adalah berdasarkan nilai median bagi tingkah laku delinkuen iaitu 36. Dari ini nilai min telah diperolehi bagi kumpulan tingkah laku delinkuen tinggi dan tingkah laku delinkuen rendah untuk melihat perbezaan dari aspek hubungan keluarga, rakan sebaya dan tahap kecerdasan emosi.

Jadual 4.7 : Perbezaan Tahap Delinkuen

	Tahap Delinkuen					
	Rendah			Tinggi		
	Min	SP	N	Min	SP	N
Hubungan Keluarga	46.27	8.42	89	41.92	8.69	77
Rakan Sebaya	31.08	4.95	89	31.48	4.34	75
Kecerdasan Emosi	63.5	6.32	88	61.09	5.09	77

Berdasarkan jadual 4.7, didapati bahawa min hubungan keluarga dengan tingkah laku delinkuen rendah adalah lebih tinggi iaitu pada nilai 46.27 berbanding min tingkah laku delinkuen tinggi pada nilai 41.92. Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi hubungan keluarga pelajar maka semakin rendah tingkah laku delinkuen pelajar. Dapatan ini menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan di antara hubungan keluarga dengan tingkah laku delinkuen pelajar.

Bagi aspek pengaruh rakan sebaya dengan tingkah laku delinkuen didapati bahawa min bagi tingkah laku delinkuen tinggi adalah 31.48 iaitu lebih tinggi berbanding dengan tingkah laku delinkuen rendah iaitu pada nilai 31.08. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengaruh rakan sebaya dengan tingkah laku delinkuen pelajar.

Perbezaan tahap kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar dapat dilihat pada min yang lebih tinggi iaitu pada nilai 63.50 bagi tingkah laku delinkuen rendah berbanding dengan min 61.09 bagi tingkah laku delinkuen tinggi. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar.

Untuk melihat sama ada perbezaan min pada dapatan di atas signifikan atau tidak, ujian t telah dilakukan bagi setiap aspek perbezaan. Apabila ujian t dilakukan, analisis menunjukkan bahawa perbezaan dalam tahap hubungan keluarga di antara tahap delinkuen tinggi dan tahap delinkuen rendah adalah signifikan ($t = 3.26$, $df = 159.01$, $p = 0.001$). Ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai tahap hubungan keluarga yang tinggi mempunyai tingkah laku delinkuen yang rendah.

Kaedah ujian t yang sama juga telah dilakukan terhadap pengaruh rakan sebaya dengan tingkah laku delinkuen rendah dan tingkah laku delinkuen tinggi. Nilai perbezaan yang diperolehi adalah tidak signifikan ($t = -0.55$, $df = 162$, $p = 0.585$). Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengaruh rakan sebaya dengan tingkah laku delinkuen rendah dan tingkah laku delinkuen tinggi kerana nilai p lebih besar daripada 0.05 ($p < 0.05$).

Kaedah ujian t juga digunakan untuk melihat perbezaan di antara tahap kecerdasan emosi dengan tahap tingkah laku delinkuen rendah dengan tingkah laku delinkuen tinggi. Nilai perbezaan yang diperolehi adalah signifikan ($t = 2.67$, $df = 163$, $p = 0.008$). Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen rendah dan tingkah laku delinkuen tinggi kerana nilai p lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$).

Pada keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengaruh hubungan keluarga dan tahap kecerdasan emosi dengan tahap tingkah laku delinkuen rendah dan tingkah laku delinkuen tinggi. Ini menunjukkan majoriti pelajar masih menjalani kehidupan kekeluargaan yang sederhana rapat serta menunjukkan tahap kecerdasan emosi yang positif dan pengaruh rakan sebaya yang harmonis.

Selain melihat perbezaan antara pelajar yang mempunyai aras tingkahlaku delinkuen rendah dan tinggi, kaedah korelasi turut digunakan bagi melihat perkaitan

antara hubungan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkahlaku delinkuen. Ujian korelasi Pearson telah digunakan dalam kajian ini disebabkan kesemua skala adalah berbentuk skala nisbah. Dapatan menunjukkan bahawa hubungan keluarga dan kecerdasan emosi mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen. Kedua-dua hubungan adalah bersifat negatif iaitu $r = -0.17$ ($p < 0.05$) dan $r = -0.24$ ($p < 0.01$). Walaubagaimanapun, kedua-dua hubungan ini berada pada aras yang lemah (Rowntree, 1981). Ini bermakna, semakin tinggi kecerdasan emosi pelajar, semakin rendah tingkahlaku delinkuen pelajar tersebut. Corak hubungan yang sama turut diperhatikan antara hubungan keluarga dengan tingkah laku delinkuen. Pelajar yang mempunyai hubungan keluarga yang lebih baik akan semakin kurang terlibat dalam tingkahlaku delinkuen. Pengaruh rakan sebaya tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen di mana $r = 0.02$ ($p > 0.05$).

4.8 Perkaitan di antara Kecerdasan Emosi, Pengaruh Rakan Sebaya dan Hubungan Keluarga

Selain melihat hubungan antara hubungan keluarga, rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen, analisis turut dilakukan untuk melihat perkaitan antara pemboleh ubah bebas. Dapatan menunjukkan bahawa hubungan di antara tahap kecerdasan emosi dengan pengaruh rakan sebaya adalah pada $r = 0.37$ ($p < 0.01$). Ini beerti terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan pengaruh rakan sebaya, dan hubungan ini bersifat positif pada aras yang lemah (Rowntree, 1981). Dalam erti kata lain, apabila tahap kecerdasan emosi adalah tinggi maka tahap pengaruh rakan sebaya juga adalah tinggi.

Hubungan di antara tahap kecerdasan emosi dengan hubungan keluarga adalah pada $r = 0.20$ ($p < 0.05$). Ini beerti terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan hubungan keluarga, dan hubungan ini bersifat positif pada

aras yang lemah (Rowntree, 1981), iaitu apabila tahap kecerdasan emosi adalah tinggi maka tahap hubungan keluarga juga akan tinggi.

Hubungan di antara pengaruh rakan sebaya dengan hubungan keluarga adalah pada $r = 0.13$ ($p > 0.05$). Hubungan ini bersifat positif pada aras yang lemah (Rowntree, 1981) tetapi tidak signifikan.

4.10 Rumusan

Peratus pelajar SMK Sri Rahmat yang terlibat dengan tingkah laku delinkuen secara keseluruhannya adalah rendah. Kebanyakan pelajar terlibat dengan aktiviti ponteng sekolah, ponteng kelas, melepak dan datang lewat. Bagi kes-kes disiplin yang lebih tegar seperti terlibat dengan penyalahgunaan dadah, mencuri, bawa senjata ke sekolah, mencabul kehormatan dan lain-lain tidak menunjukkan peratus keterlibatan pelajar yang tinggi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan di antara hubungan keluarga dengan tingkah laku delinkuen di mana semakin rendah hubungan di antara ahli keluarga dengan pelajar maka semakin tinggi kecenderungan pelajar bertingkah laku delinkuen. Kecerdasan emosi turut mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkahlaku delinkuen. Semakin rendah tahap kecerdasan emosi pelajar maka semakin tinggi kecenderungan bertingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar. Pengaruh rakan sebaya pula tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen pelajar. Dalam kajian ini juga didapati bahawa terdapat perkaitan di antara kecerdasan emosi dengan hubungan dalam keluarga di mana semakin tinggi kecerdasan emosi pelajar maka semakin rendah kecenderungan mereka bertingkah laku delinkuen.

BAB V

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Kajian ini telah dilakukan untuk mengenalpasti tahap hubungan keluarga, kecerdasan emosi dan pengaruh rakan sebaya, dan perkaitan aspek-aspek ini dengan tingkahlau delinkuen dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Rahmat. Dalam Bab IV, analisis data telah dilakukan bagi menjawab setiap persoalan kajian, dan dapatan-dapatan telah pun dilaporkan.

Dalam bab ini, dapatan-dapatan kajian tersebut akan dirumus serta dibincangkan dengan membandingkannya dengan dapatan kajian-kajian lalu. Seterusnya, implikasi praktikal serta cadangan bagi kajian akan datang turut diberi.

5.2 Perbincangan Hasil Kajian

Pada umumnya pelajar yang terlibat dengan kajian ini adalah berusia di antara 15 hingga 17 tahun. Kebanyakan responden berusia 16 tahun iaitu seramai 88.6%, 17 tahun seramai 10.8% dan 15 tahun seramai 0.6%. Seramai 45.2% merupakan responden perempuan manakala seramai 54.8% merupakan responden lelaki terlibat dengan kajian ini. Jumlah responden adalah seramai 166 orang di mana responden adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 4, SMK Sri Rahmat. Perbincangan dapatan kajian di sini dilakukan bagi melihat perkaitan setiap aspek yang diberi tumpuan dalam kajian ini (iaitu hubungan keluarga, kecerdasan emosi dan pengaruh rakan sebaya) dengan tingkahlaku delinkuen.

5.2.1 Tahap Hubungan Dalam Keluarga

Dalam hubungan kekeluargaan, keseluruhan pelajar mempunyai hubungan yang sederhana dengan ahli keluarga mereka. Jika dilihat daripada data yang diperolehi, kebanyakan responden melaporkan terdapatnya interaksi di antara mereka dengan ahli keluarga. Ini boleh dilihat terutamanya dari segi keluarga berikan galakan apa yang diminati (52%), makan bersama keluarga (63%) dan mesra dengan ahli keluarga (58%). Walau bagaimana pun keluarga bukanlah tempat mencurahkan masalah dan pelajar kurang berbincang dengan keluarga jika ada masalah. Ini dapat dilihat apabila hanya 37% dan 34% pelajar sahaja yang setuju dengan dua kenyataan di atas. Jika dikaitkan dengan pekerjaan ibu bapa yang sebahagian besarnya terpaksa memberikan komitmen yang tinggi terhadap tugas, sudah pastilah masa yang dapat diluangkan bersama dengan anak-anak agak terhad. Walaupun wujud interaksi dan komunikasi dengan anak-anak namun waktu bekerja juga menjadi penghalang aktiviti tersebut.

Aktiviti pelajar di luar dan dengan siapa mereka berkawan sangat diberi perhatian oleh ibu bapa di mana sebanyak 78% ibu bapa bertanya jika pelajar pulang lewat dan sebanyak 69% ibu bapa pelajar bertanya mereka berjalan dengan siapa. Walau bagaimanapun ibu bapa hanya berminat hendak mengetahui ke mana dan dengan siapa anak mereka berkawan dan pergi tanpa meluangkan lebih masa untuk bersama menyertai kegiatan anak-anak mereka. Ini dapat dilihat apabila hanya 35% keluarga pelajar meluangkan masa jika ada kelapangan.

Hubungan dalam keluarga amat penting untuk memastikan anak-anak sentiasa berada dalam pengawasan ibu bapa. Sebaiknya ibu bapa lebih berperanan sebagai teman kepada anak-anak kerana kerapatan ini akan membuatkan anak-anak berasa lebih selesa dengan ahli keluarga dan dapat mengurangkan keterlibatan anak dengan tingkah laku delinkuen.

5.2.2 Tahap Pengaruh Rakan Sebaya

Kebanyakan pelajar tidak menganggap bahawa rakan sebaya merupakan pengaruh utama dalam menentukan tingkah laku mereka. Ini dapat dilihat pada aspek pelajar melakukan salah laku kerana desakan rakan hanyalah sebanyak 5.4%, masa lapang dihabiskan dengan rakan sebanyak 5.0%, pergi ke sekolah kerana ingin bersama rakan sebanyak 6.6% dan jarang bertanya rakan apabila ingin membuat sesuatu juga sebanyak 6.6%. Ini menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya terhadap tingkah laku pelajar adalah sederhana iaitu pada min 3.24.

Walaupun persekitaran, keluarga dan rakan sebaya mempengaruhi tingkah laku delinkuen remaja namun tidak semua remaja bermasalah disebabkan oleh

faktor-faktor itu. Ini dibuktikan dengan terdapat remaja yang tidak melibatkan diri dengan tingkah laku negatif (Fatimah & Azaman, 2006) dalam Rohany dan Fatimah (2006). Remaja ini mungkin mempunyai ketahanan diri dan mampu menyerap tekanan-tekanan yang berlaku. Selain daripada faktor ketahanan diri, faktor kerapatan dalam keluarga juga merupakan pengaruh yang besar dalam perkembangan sahsiah pelajar. Sekiranya pelajar rapat dengan ahli keluarga dan ibu bapa menunjukkan kemesraan serta dapat membuktikan keadilan dan kasih sayang terhadap pelajar maka kelompok rakan-rakan tidak akan menjadi tempat pergantungan emosi kepada pelajar (Mohamed Hatta, 2003).

5.2.3 Tahap Kecerdasan Emosi

Tahap kecerdasan emosi pelajar berada pada tahap sederhana di mana min keseluruhan adalah pada 3.34. Kebanyakan pelajar cenderung meletakkan penilaian sederhana (kadang-kadang setuju) terhadap semua aspek kecerdasan emosi yang dinilai. Ini dapat dilihat pada tidak dapat menahan keinginan sebanyak 46.4%, selalu membuat apa yang betul sebanyak 56.0%, kadang-kadang menggunakan cara yang tidak betul untuk mendapatkan kejayaan sebanyak 33.7%, kadang-kadang melakukan sesuatu perkara yang amat buruk sebanyak 34.9%, seorang yang penyabar dan tidak cerewet sebanyak 36.1%, saya menerima sesuatu tuduhan dengan tidak berasa marah sebanyak 39.2%, saya melakukan sesuatu tanpa berfikir terlebih dahulu sebanyak 41.0%, saya terlalu mudah tersinggung dengan perkara yang dikatakan oleh keluarga saya sebanyak 38.6%, saya membenci keadaan yang berlaku di sekeliling saya sebanyak 43.4% dan saya tidak berasa selesa bila berada dengan orang lain sebanyak 44.0%.

Kebanyakan pelajar yang bertingkah laku delinkuen mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah. Antara faktor yang dirasakan banyak mempengaruhi tingkah laku delinkuen adalah masalah yang berkaitan dengan ketidak seimbangan daripada segi rohani dan emosi dalam kalangan pelajar. Ramai penyelidik berpendapat masalah tingkah laku dalaman dan luaran yang berlaku dalam kalangan pelajar mempunyai perkaitan rapat dengan tahap kecerdasan emosi mereka. Sebagai contoh, tahap kecerdasan emosi yang rendah didapati menjadi punca kepada kerendahan tahap empati dan kerendahan tahap kawalan emosi (Ciarrochi et al., 2000), menjadi punca masalah tekanan, kemurungan, gejala neurosis (Dawda & Hart, 2000), penyebab kepada salah laku seks (Tidmarsh et al., 2001) dan penyebab utama pengambilan alkohol dan tabiat merokok yang berlebihan (dalam Mohd Azhar, 2004).

Tingkah laku yang menyeleweng biasanya berkait dengan tahap kecerdasan emosi yang lemah. Individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang lemah selalu memberi masalah kepada orang lain kerana sering menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap orang lain, mementingkan diri sendiri serta mudah berasa risau tentang berbagai-bagai perkara.

5.2.4 Tahap Tingkah Laku Delinkuen

Bagi aspek tingkah laku delinkuen pelajar didapati bahawa kecenderungan pelajar melakukan kesalahan disiplin adalah sangat rendah iaitu pada min 1.46. Kebanyakan pelajar hanya terlibat dengan kesalahan-kesalahan kecil seperti ponteng sekolah, ponteng kelas, merokok, datang lewat, balik awal dan sebagainya. Tidak ramai pelajar terlibat dengan kesalahan-kesalahan yang tegar seperti menyalah guna dadah, mencabul kehormatan, mengedar dadah dan lain-lain. Terdapat jurang perbezaan di antara kesalahan kecil dengan kesalahan tegar dan

kebanyakan pelajar hanya terlibat dengan kesalahan kecil. Pernyataan ini disokong oleh kajian Maznah (2005) iaitu beliau mendapati bahawa secara keseluruhan daripada dua belas salah laku yang telah disenaraikan, hasil kajian mendapati penglibatan paling tinggi adalah ponteng di mana 55.13% dari responden pernah ponteng sekolah.

Bagi kesalahan-kesalahan tegar didapati bahawa terdapat penglibatan yang amat rendah dalam kalangan pelajar seperti penyalah guna dadah sebanyak 7.2% pelajar sahaja yang pernah melibatkan diri, terlibat dengan gangsterisme iaitu sebanyak 18.0%, mencuri sebanyak 16.8%, mencabul kehormatan sebanyak 10.2%, mengedar dadah sebanyak 3% dan bawa senjata ke sekolah adalah sebanyak 11.2%. Oleh kerana terdapat perbezaan yang tinggi dalam jumlah pelajar yang terlibat dan tidak terlibat dengan tingkah laku delinkuen maka penyelidik telah mengklasifikasikan tahap tingkah laku delinkuen kepada tahap delinkuen rendah (bawah nilai median 36) dan tahap delinkuen tinggi (nilai median 37 dan ke atas). Hasilnya didapati bahawa faktor yang mempengaruhi tingkah laku delinkuen ialah faktor hubungan keluarga dan tahap kecerdasan emosi.

Menurut Abdullah Sani (2005), masalah remaja terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu masalah harian, masalah semasa dan jenayah berat. Masalah harian adalah masalah biasa yang sering kita lihat di sekeliling kita yang membabitkan salah laku remaja, berlaku dengan lebih banyak di sesuatu kawasan seperti kawasan pinggir bandar dan kawasan bandar. Contohnya seperti ponteng sekolah, bergaduh, benci guru, buli dan merokok dalam kawasan sekolah. Masalah semasa adalah masalah yang menjadi isu berat terutamanya bagi remaja di bawah umur dan masih bersekolah dan berlaku di semua tempat tidak kira jenis kawasan. Contohnya seperti masalah black-metal dan pink-metal, gejala lepak, peras ugut, gengsterisme dan vandalisme. Jenayah berat pula melibatkan kesalahan berat yang dilakukan oleh seseorang remaja serta menyalahi undang-undang. Contoh jenayah berat yang

dilakukan oleh remaja adalah merompak, merogol, membunuh, penyalahgunaan dadah, pelacuran dan sebagainya.

5.2.5 Perkaitan antara Hubungan Keluarga, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi dengan Tingkah Laku Delinkuen

Secara keseluruhan didapati bahawa hubungan kekeluargaan yang rapat dapat merendahkan penglibatan pelajar dengan tingkah laku delinkuen. Ini dapat dilihat pada keputusan ujian t di mana hasil analisis menunjukkan pelajar yang mempunyai tahap delinkuen rendah mempunyai hubungan kekeluargaan yang lebih tinggi berbanding pelajar yang mempunyai masalah tingkahlaku delinkuen. Hasil analisis korelasi juga menunjukkan dapatan yang menyokong keputusan ini ($r = -0.24$, $p < 0.01$) di mana pelajar yang mempunyai hubungan keluarga yang lebih baik akan semakin kurang terlibat dalam tingkahlaku delinkuen.

Banyak kajian yang menunjukkan masalah hubungan dengan ibubapa dan keluarga menyumbang kepada tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar. Seperti pendapat Patterson (1985) yang menyatakan bahawa delinkuensi juga didapati berkaitan dengan bagaimana ibu bapa mengawasi dan mendisiplinkan tingkah laku anak-anak mereka. Sekiranya ibu bapa dapat memberikan pengawasan yang lebih berkesan iaitu tahu di mana mereka berada, dengan siapa dan apa yang dilakukan oleh mereka, maka kemungkinan anak mereka terlibat dengan tingkah laku delinkuen adalah lebih rendah. Perkaitan ini juga turut disokong oleh Ab. Alim (1994) di mana implikasi jika kanak-kanak dibiarkan bersendirian tanpa kawalan mereka akan menjadi jahat dan tidak bersopan santun. Lebih rapat hubungan pelajar dengan keluarga maka semakin kurang kemungkinan pelajar bertingkah laku delinkuen kerana semua pergerakan pelajar yang tidak sesuai dengan norma

masyarakat dapat ditegur oleh ahli keluarga. Pelajar juga akan berasa lebih selamat berkongsi masalah dengan ahli keluarga sekiranya hubungan dalam keluarga rapat. Secara tidak langsung hubungan keluarga yang rapat akan mengawal pelajar daripada terlibat dengan tingkah laku delinkuen kerana pelajar kurang terdedah kepada pengaruh rakan sebaya yang bertingkah laku delinkuen.

Secara keseluruhannya didapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengaruh rakan sebaya dengan tingkah laku delinkuen pelajar di mana $r = 0.02$ ($p > 0.05$). Dapatan kajian ini adalah tidak selari dengan pendapat-pendapat dan dapatan-dapatan kajian yang melihat pengaruh rakan sebaya terhadap masalah delinkuen pelajar. Abdullah Sani (2005) berpendapat bahawa antara sebab remaja cenderung melakukan vandalisme dikatakan hendak melepaskan geram, perasaan benci dan marah. Yang paling menyedihkan, sebahagian remaja melakukan perbuatan ini hanya untuk berseronok. Ini mempamerkan sikap remaja yang sangat mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan implikasi buruk pada masyarakat yang memerlukan kemudahan yang disediakan. Erikson (1972) dalam kajiannya berpandukan laporan data daripada pihak polis dan temuduga dengan remaja mendapati bahawa setiap remaja akan terdedah dengan pengalaman delinkuen rakan sebaya apabila berkawan dengan kelompok jahat.

Walau bagaimanapun, pengaruh rakan sebaya bukanlah faktor yang dianggap penting oleh responden dalam kajian ini. Sebagaimana yang dilaporkan sebelum ini, tahap pengaruh rakan sebaya adalah pada tahap yang rendah. Sekiranya dilihat dari data pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Rahmat, kebanyakan ibu pelajar tidak bekerja dan mungkin mempunyai masa untuk memantau pergerakan anak-anak mereka. Justeru, pelajar-pelajar kurang meluangkan masa dengan rakan-rakan di luar waktu sekolah.

Dapatan kajian memaparkan faktor kecerdasan emosi berkait dengan tingkah laku delinkuen. Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat

hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen di mana $r = -0.17$ ($p < 0.05$). Dapatan kajian ini juga turut disokong oleh keputusan ujian korelasi di mana $p = 0.008$. Ini bermakna, semakin tinggi kecerdasan emosi pelajar, semakin rendah tingkahlaku delinkuen pelajar tersebut.

Dapatan kajian ini disokong oleh dapatan-dapatan kajian lalu dan juga pendapat-pendapat pakar. Noran Fauziah (1991) dalam Abdullah Sani (2005) menyatakan bahawa sebab utama berlakunya delinkuensi adalah perasaan kekecewaan. Keadaan ini menunjukkan bahawa remaja yang mengalami tekanan dalam diri cenderung melakukan masalah. Sikap dalam diri seperti cemburu, dengki, khianat dan dendam menjadi faktor pada masalah yang mereka lakukan. Mereka tidak dapat mengawal emosi dan kematangan fikiran lantas mengambil jalan mudah dengan melibatkan diri dalam masalah remaja. Kajian ponteng oleh Ismail (1982) mendapati bahawa rakan sebaya mempengaruhi ketiga-tiga kumpulan pelajar yang dikajinya. Kemungkinan rakan mereka yang ponteng itu pelajar yang tercicir, mengganggu dan terlibat dengan kegiatan penagihan dadah. Rakan sebaya sebenarnya menyokong dan mendorong pelajar melakukan kesalahan secara tidak disedari.

Pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah digambarkan sebagai bersifat tertekan. Pelajar ini berasa terasing, tidak dicintai, tidak berupaya membela diri dan mengatasi kekurangan ataupun kelemahan. Pelajar ini tidak suka bersosial dan sensitif pada kritikan. Mereka juga suka memikirkan masalah peribadinya dan cenderung untuk bertingkah laku delinkuen. Coopersmith (1967) dalam Azizi (2005) membuat kesimpulan, terdapat perbezaan yang signifikan dalam dunia penyelidikan dan tingkah laku sosial yang berbeza. Pelajar dengan tahap kecerdasan emosi yang tinggi suka memberikan pendapat dan tidak gelisah. Mereka tidak sensitif pada kritikan, tidak gelisah ataupun ada masalah psikomatik yang mendatangkan banyak masalah. Mereka tidak berasa segan ataupun asyik

memikirkan masalah peribadi tetapi percaya pada persepsi diri. Mereka percaya diri mereka dihargai, penting dan dapat mempengaruhi orang lain.

5.2.6 Perkaitan antara Hubungan Keluarga, Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi

Dapatan menunjukkan bahawa hubungan di antara tahap kecerdasan emosi dengan pengaruh rakan sebaya adalah pada $r = 0.37$ ($p < 0.01$). Ini bererti terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan pengaruh rakan sebaya, dan hubungan ini bersifat positif pada aras yang lemah (Rowntree, 1981). Dalam erti kata lain, apabila tahap kecerdasan emosi adalah tinggi maka tahap pengaruh rakan sebaya juga adalah tinggi.

Kemungkinan dapatan ini menunjukkan perkaitan antara pengaruh rakan sebaya yang bersifat positif dengan perkembangan kecerdasan emosi. Azizi (2005) mengatakan remaja mendapat maklumat berkenaan dunia di luar keluarga serta maklum balas mengenai keupayaan mereka daripada rakan sebaya. Remaja memerlukan rakan yang sebaya dengan mereka bagi membantu perkembangan diri. Rakan sebaya berpengaruh dalam membentuk akhlak dan peribadi remaja. Rakan sebaya yang baik akan membentuk akhlak yang baik.

Hubungan di antara tahap kecerdasan emosi dengan hubungan keluarga adalah pada $r = 0.20$ ($p < 0.05$). Ini beerti terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan hubungan keluarga, dan hubungan ini bersifat positif pada aras yang lemah (Rowntree, 1981) iaitu apabila tahap kecerdasan emosi adalah tinggi maka tahap hubungan keluarga juga akan tinggi.

Menurut Azizi (2005), ibu bapa yang mempunyai konsep sendiri yang lemah adalah liberal ataupun membiarkan anak-anak mereka tetapi mengenakan hukuman yang berat apabila mereka fikirkan perlu. Situasi demikian menyebabkan anak-anak menganggap ibu bapa tidak adil dan tiada peraturan, tidak minat ataupun tidak mengambil berat pada mereka. Anak-anak yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi berfungsi dalam lingkungan peraturan yang teratur dan harapan yang berpunca daripada perbincangan. Ibu bapa perlu mempunyai sikap sentiasa ingin membantu anak-anak. Mereka boleh memberi tunjuk ajar, tidak menggunakan kekerasan dan sentiasa menghormati pandangan anak-anak. Anak-anak yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi diberikan cabaran ke atas kapasiti dan diberi peluang belajar ataupun memahami aspirasi kekuatan dan kelemahannya.

Hubungan di antara pengaruh rakan sebaya dengan hubungan keluarga adalah pada $r = 0.13$ ($p > 0.05$) maka tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengaruh rakan sebaya dengan hubungan keluarga, dan hubungan ini bersifat positif pada aras yang lemah (Rowntree, 1981) iaitu apabila pengaruh rakan sebaya adalah tinggi maka tahap hubungan keluarga juga akan tinggi.

Hubungan rakan sebaya perlu dipupuk supaya terarah kepada kebaikan dan perlakuan positif. Ibu bapa perlu membimbing anak-anak memilih rakan. Kebebasan remaja tidak perlu disekat kerana mereka memerlukan rakan untuk berbincang, berbual, melepaskan tekanan, bergembira dan sebagainya. Namun kebebasan perlu dikawal oleh nilai keagamaan. Azizi (2005) berpendapat remaja yang berasal daripada keluarga yang bermasalah mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya yang mungkin senasib dengannya dan membentuk kumpulan yang bersifat negatif.

5.3 Implikasi Kajian

Setiap kajian yang dibuat akan memberi implikasi kepada beberapa pihak. Implikasi ini terutamanya kepada ibu bapa yang merupakan insan yang paling signifikan dengan pelajar dan juga guru yang merupakan insan kedua yang signifikan dalam kehidupan seseorang pelajar.

Daripada dapatan kajian didapati bahawa ibu bapa perlu mencari jalan supaya dapat mengeratkan lagi hubungan dengan anak-anak mereka supaya anak-anak merasa lebih mudah berkomunikasi dengan keluarga. Ibu bapa juga perlu bertukar-tukar pendapat dengan anak-anak dan mengambil tahu tentang kesulitan yang mereka hadapi. Komunikasi dua hala antara ibu bapa dan anak-anak sangat penting bagi menjamin kebahagiaan keluarga. Menurut Mustaffa Hj Daud (1997), keluarga merupakan tempat perlindungan paling sempurna, sama ada dari masalah dalaman mahupun luaran. Keluarga merupakan tempat meluahkan perasaan dan mendapatkan nasihat. Tidak kira berapa juga usia ahli keluarga pastinya dapat membantu ahli keluarga yang lain.

Ibu bapa juga perlu diberikan kesedaran tentang bentuk didikan yang sesuai untuk anak-anak mereka. Kemahiran keibu bapaan perlulah diberikan kepada bakal ibu bapa terutama soal pendidikan anak-anak dan bagaimana memahami perkembangan fizikal, mental dan emosi mereka. Daripada kajian didapati bahawa ibu bapa memberi perhatian kepada anak-anak mereka tetapi secara luaran sahaja. Kerapatan ibu bapa dengan anak-anak perlulah diperjelas seperti perlunya masa bersiar-siar dengan anak-anak dan mengambil tahu apa yang dilakukan oleh anak-anak di dalam dan di luar rumah. Ibu bapa juga perlulah mengambil tahu siapakah rakan anak-anak mereka kerana pengaruh rakan ini memang tidak dinafikan dapat memberikan sumbangan yang amat besar terhadap peningkatan tingkah laku delinkuen anak. Ini dapat membantu meningkatkan tahap kecerdasan emosi anak secara tidak langsung.

Pihak sekolah terutamanya guru-guru perlulah mengambil tahu tentang keadaan dan situasi pelajar masa kini. Keadaan keluarga dan kekurangan yang ada dalam diri pelajar perlu dibantu dengan memberikan sokongan emosi supaya dapat meningkatkan tahap kecerdasan emosi mereka. Hubungan guru dengan pelajar perlu disesuaikan dengan keadaan dan situasi pelajar melalui kerapatan mereka di bilik darjah atau melalui program-program motivasi dan kerohanian yang diadakan oleh pihak sekolah. Penerapan nilai murni dan akhlak yang baik perlu dilakukan dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas. Guru juga perlu mewujudkan situasi pembelajaran yang menyeronokkan supaya pelajar lebih berminat untuk menimba ilmu di sekolah.

Masyarakat setempat juga perlu prihatin, atas segala bentuk tindakan atau tingkah laku pelajar yang mencurigakan. Sikap berterus terang, memberi teguran dan membuat pengaduan kepada pihak yang bertanggungjawab perlu dilakukan sekiranya berlaku tingkah laku delinkuen pelajar di sekitar kediaman mereka. Masyarakat juga perlu sama-sama memimpin dan membimbing mereka supaya menjalankan tanggungjawab sebagai pelajar.

5.4 Cadangan Kajian akan Datang

Daripada kajian yang telah dijalankan, ternyata bukan faktor keluarga, pengaruh rakan sebaya dan tahap kecerdasan emosi sahaja yang perlu diberikan perhatian, malah terdapat faktor lain yang menyumbang kepada tingkah laku delinkuen pelajar termasuk faktor sekolah. Sekolah yang berteraskan akademik perlu diseimbangkan dengan situasi pelajar yang tidak berkebolehan dan berkemampuan. Mereka mungkin perlu dibantu dalam aspek penyediaan kemudahan dan ketenangan emosi semasa di sekolah. Oleh itu, kajian akan datang

perlu dibuat dengan melibatkan organisasi sekolah dan peranan persatuan ibu bapa dan guru sebagai pengantara antara pelajar, guru dan keluarga.

Kajian untuk melihat pengaruh rakan sebaya terhadap tingkah laku delinkuen perlu ditambah kerana kebanyakan dapatan yang digunakan sebagai rujukan adalah mewakili kajian-kajian luar negara. Dapatan kajian luar negara tidak semestinya menggambarkan situasi yang sama berlaku di Malaysia kerana terdapat beberapa perbezaan terutamanya dari aspek budaya, hubungan keluarga, peranan masyarakat setempat dan sebagainya.

Kajian serupa ini juga boleh dijalankan di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara supaya populasi pelajar yang lebih besar dapat dilaksanakan. Selain daripada itu sekolah-sekolah menengah di luar bandar juga perlu diambil kira untuk kajian akan datang.

5.5 Penutup

Sebagai kesimpulan ibu bapa haruslah memainkan peranan yang positif bagi membentuk kecerdasan emosi pelajar yang lebih mantap. Apabila tahap kecerdasan emosi pelajar mantap maka lahirlah identiti yang positif dalam kalangan pelajar yang akan membantu mereka mengelakkan diri daripada terlibat dengan tingkah laku delinkuen. Selain itu para pelajar juga dapat menggunakan aspek kognitif mereka untuk menilai sesuatu perkara sebelum bertindak apabila bersama rakan sebaya. Mereka tidak akan terikut-ikut dan terpengaruh dengan kehendak rakan.

RUJUKAN

- Ab Alim Abdul Rahim, (1994). *Pengantar Psikologi Bilazim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Jalil, (Mei 2000). *Demam Masyarakat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Sani Yahya (2005). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Bentong : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Adina, B.L. (1999). *Teaching Emotional Intelligence. Making Informed Choices*. Skylight: Arlington.
- Ahmad Hj. Salleh (1980). *Disiplin Sekolah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Nazri Hashim (3.9.2003). *76,300 Pelajar Terbabat dengan Masalah Disiplin*. Utusan Malaysia.
- Albert Bandura (1977). *Social Learning Theory*. Eagle Wood Cliff, New Jersey: Prentice Hall.
- Albert Bandura (1986). *Social Foundations of Thoughts and Actions. A Social Cognitive Theory*. Eagle Wood Cliff, New Jersey: Prentice Hall.
- Allport (1931). *The Trait Theory*. Dlm Allport (1961). "Pattern and Growth in Personality." New York : Holt, Rinechart & Winston.
- Amir Awang (1984). *Pengantar Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Amir Sharifuddin, Rashid Sohar dan Rauf Dalip (1991). *Pelanggaran Disiplin : Implikasi Terhadap Penyelidikan dan Program Pendidikan*. Kertas Kerja Seminar Latihan. Kuala Lumpur : Universiti Islam Antarabangsa.
- Arief Salleh Rosman dan Wardah Mokhtar (2003). *Membentuk Jati Diri Remaja*. Kuala Lumpur : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azaman Ahmad (2000). *Kefungsian Keluarga: Hubungannya dengan Konsep Kendiri dan Risiko kepada Penagihan Semula Dadah di Kalangan Penagih Dadah Remaja*. Latihan Ilmiah yang Tidak Pernah Diterbitkan. Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aziz Abu Bakar (1997). *Pengaruh Salah Laku Pelajar Tingkatan 4 & 5, Daerah Yan, Kedah*. Tesis Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan) : Universiti Utara Malaysia.
- Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Bentong : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Bettle, James (1984). *Promoting Self- Esteem Achievement and Well Being : An Effective Instructional Curriculum for All Level*. Edmonion : James Battle & Associates.
- Burges, et.al. (1971), *The Family- From Traditional to Companionship*. New York : Van Nostrand Reinhold Company.
- Burns, R. B. (1982), *The Self-Concept Development and Education*. London : Holt, Rinehart and Winston.
- Burns, R. B. (1979). *The Self-Concept : Theory Measurement, Development and Behaviour*. Great Britain : Richard Day (The Chauser Press) Ltd.

- Burt, Cyril (1969). *On Personal Power : Inner Strength and Its Evolution Impact*. New York : Dalcotr.
- Ch'ng Chwee Iye (1976). *A Comparative Study of the Self-Concept of Delinquent and Non-Delinquent Adolescents*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur : Jurnal Pendidikan , Jld VI Oktober 1976.
- Coleman, M. C. (1986). *Behaviour Disorders : Theory and Practice*. New Jersey : Prentice Hall.
- Coopersmiths, S. (1967). *The Antecedents of Self-Esteem*. San Francisco : Freeman.
- Cornell & Loper (1996). *Virginia Youth Violence Project*. Charlottesville : University of Virginia.
- Erikson, E (1963). *Childhood and Society*. New York : Norton.
- Erikson, E (1968). *Identity, Youth & Crisis*. New York : Norton.
- Erikson, E (1978). *Child Psychopathology*. Eaglewood Cliff : New Jersey.
- Farah Awani Yacob (Oktober, 2002). *Kemelut Disiplin Pelajar, Punca dan Implikasi Terhadap Masa Depan Negara*. Dewan Masyarakat, m.s. 6.
- Firth, R. (1960). *Housekeeping Among Malay Pessant*. London : Athlore Press.
- Freud (1959). *Psychodynamic Theories : Conceptions*. Dlm Walter Mischel (1986). *Introduction to Personality*. New York : Holt, Rinehart and Winston.

- Gail Freedman Melson (tej.) Dr. Jariah Masud. (1982). *Keluarga dan Persekitaran, Perspektif Ekosistem*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goleman, D (1998). *Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Goleman, D (1996). *Working with Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Guildford (1959). *The Humanistic Perspective*. Patricia M. Wallace ; Jeffry H. Goldstein (1977). "An Introduction of Psychology" Brown & Benchmark : USA.
- Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub (1997). *Psikologi Pendidikan* . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hairunnaja Najmuddin (2003). *Memahami dan Membimbing Remaja Nakal*. Bentong : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Havinghurst (1967). *Adolescent Character and Personality*. New York : John Willey & Sons. Inc
- Hoffman (1975). *Altruistic Behaviour & Parent Child Relationship*. Journal of Personality Psychology, 31.
- Horney, K. (1950). *Neurosis and Human Growth*. New York : Norton.
- Hurlock, E.B. (1973). *Adolescent Development*. New York : McGraw-Hill.
- Hussein Mahmood (1993). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibrahim Mamat (1997). *Memimpin Remaja Sekolah*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Jaafar Abdul Rahim (Julai, 1991). *Wawasan 2020 dan DPN*. Fokus, m.s. 8.

Jensen, L.C. (1985). *An Adolescence : Theories, Research*. San Francisco : West Publishing. Co.

Jas Laile Suzana Jaafar (2000). *Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja*. Ampang : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kail, R. V. Dan Cavanaugh, J.C. (2000). *Human Development : A Lifespan View*. USA : Wadsworth Thomson Learning.

Kamus Dewan (1996). Edisi 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kartini Kartono (1986). *Patologi Sosial 2 : Kenakalan Remaja*. Jakarta : CV. Rajawali.

Kerlinger (1973). *Foundation of Behavioural Research*. dlm Sekaran Uma (1992). *Research Method for Business : A Skill Approach*. Canada : John Willy & Sons. Inc.

Lopes, P.N., Salovey, P. dan Cote, S. (2005). *Emotion Regulation Abilities and the Quality of Social Interaction*. *Emotion*, 5,1, 113-118.

Manja bin Ludin (1990). *Psikologi, Sosiologi dan Falsafah dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ma'rof Redzuan (2001). *Psikologi Sosial*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.

- Maslow, A.H. (1954). *Motivation and Personality*. New York : Harper and Row. Publishers.
- Maznah Manan (2005). *Kepelbagaian Salah Laku Sosial di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 SM Teknik Keningau-Satu Kajian Tinjauan*. Seminar Kaunseling Kementerian Pelajaran Malaysia Kali Kedua
- Misnan Kowanan (1995). *Dadah dan Penyalahgunaannya di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Mohammad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Salleh Lebar (1999). *Memahami Psikologi*. Batu Caves : Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Mohamed Hatta Shahrom (2003). *Psikologi & Kaunseling Remaja. Panduan Remaja Membimbing Diri Sendiri*. Bentong : Percetakan Cergas (M) Sdn. Bhd.
- Mohd Azhar Abd Hamid (2004). *Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. Bentong : PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Mohd Tajudin Abdul Rahman (April, 1995). *Masalah Disiplin Pelajar dan Penyelesaiannya*. Dewan Masyarakat, m.s. 49.
- Mohd Ramzi Sanny dan Ahmad Othman (21.7.2001). *Guru Cedera Dibelasah Pelajar*. Harian Metro, m.s. 2.
- Mok Soon Sang (2000). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI*. Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

- Muhd Mansur Abdullah (1986). *Kaunseling, Teori, Proses dan Kaedah*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Mustafa Hj. Daud (1997). *Institut Kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naapie Mat (Januari, 1997). *Masalah Disiplin Pelajar Sekolah*. Akademik, m.s. 20
- Othman bin Md. Johan (1995). *Kesan Konsep Kendiri Terhadap Tingkah Laku Murid-Murid*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Tesis Ph.D.
- Papalia, D.E., Olds, S.W. (1992). *Human Development*. New York: Mc Graw-Hill.
- Patterson, G.R., & Dishion, T.J. (1985). *Contributions of Families and Peers to Delinquency*, *Criminology*, 23, hlm. 365-371.
- Rahimah Ghazali (1995). *Pelaksanaan Tatacara Disiplin Sekolah*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Tesis Sarjana Pendidikan.
- Rogers, C.R. (1951). *Client-Centered Therapy*. Boston : Houghton Mifflin.
- Rogers, C.R. (1959). *A Theory of Therapy, Personality and Interpersonal Relationships, As Developed in The Client-Centered Framework*. Dlm S. Kock, *Psychology : A Study of Science*, Jld. 3. New York : McGraw Hill.
- Rohany Nasir dan Fatimah Omar (2006). *Kesejahteraan Manusia: Perspektif Psikologi*. Bangi : Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosenberg. C.M. (1996). *Determinants of Psychiatric Illness in Young People*. *British Journal Psychiatric*. m.s. 115.

- Sarlito Wirawan Sarwono (1989). *Psikologi Remaja*. Jakarta : Rajawali Press.
- Sezali Din (1997). *Langkah Menangani Gejala Sosial*. Akademik Keluaran Khas, m.s. 71.
- Shahizan, Tsai Chen Chien dan Saw Hooi Chin (2003). *Intrapersonal dan Interpersonal*. Bentong : PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Shavelson, R.J. , Hubner, J.J. & Stanton, G.C. (1976). *Self-Concept Validation of The Construct Interpretation*, Review of Educational Research.
- Skinner, B.F. (1953). *Science and Human Behaviour*. New York : MacMillan.
- Steven Box.(tej) Chu Hock Tong (1989). *Devian, Realiti dan Masyarakat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- West, D.J. (1982). *Delinquency : Its Roots, Careers and Prospects*. England : Gower Publishings.
- Zuraidah Abdul Rahman (April, 2002). *Sistem Pendidikan Negara, Menghadapi Cabaran Limpahan Tenaga Kerja*. Fokus, m.s.32.

No Responden

BORANG SOAL SELIDIK

**PERKAITAN ANTARA HUBUNGAN KELUARGA,
PENGARUH RAKAN SEBAYA DAN KECERDASAN EMOSI DENGAN
TINGKAH LAKU DELINKUEN PELAJAR**

Nama Penyelidik : Maizatul Akmam bt Abu Bakar
No Matriks : MP051181
Kursus : Sarjana Pendidikan (Psikologi)

Diharapkan agar pelajar dapat meluangkan masa untuk mengisi soal selidik ini.
Segala kerjasama yang diberikan amat dihargai dan didahului dengan
ucapan terima kasih.

Tandakan (/) pada jawapan pilihan saudara.

BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG RESPONDEN

1. Umur : tahun 2. Jantina : Lelaki
3. Anak ke berapa dalam keluarga : Perempuan
4. Jumlah adik beradik :
5. Pelajar tinggal bersama siapa?

i	Ibu bapa sendiri	
ii	Ibu sendiri	
iii	Bapa sendiri	
iv	Ibu dan bapa tiri	
v	Bapa dan ibu tiri	
vi	Datuk atau nenek	
vii	Ibu bapa angkat	
viii	Penjaga (nyatakan)	

6. Jika tinggal dengan penjaga, mengapa :

i	Ibu dan bapa bercerai	
ii	Ibu meninggal	
iii	Bapa meninggal	
iv	Ibu bekerja di tempat lain	
v	Bapa bekerja di tempat lain	
vi	Anak angkat	
vii	Lain-lain (nyatakan)	

BAHAGIAN B : LATAR BELAKANG KELUARGA

1. Umur :

i	Ibu	tahun
ii	Bapa	tahun
iii	Penjaga	tahun

2. Pendidikan :

	Pendidikan	ibu	bapa	penjaga
i	Tidak bersekolah			
ii	Sekolah rendah (darjah 1 – 6)			
iii	Tingkatan 1 – 3			
iv	Tingkatan 4 – 5			
v	Tingkatan 6			
vi	Maktab / Universiti			

3. Pekerjaan :

	Pekerjaan	ibu	bapa	penjaga
i	Kerajaan			
ii	Swasta			
iii	Kilang			
iv	Bekerja sendiri			
v	Buruh			
vi	Tidak bekerja			

4. Pendapatan :

	Pendapatan	ibu	bapa	penjaga
i	Kurang daripada RM300			
ii	RM 301 – RM500			
iii	RM501 – RM750			
iv	RM751 – RM1 000			
v	RM1 001 –RM 1 300			
vi	RM1 301 – RM 1 500			
vii	RM 1 501 – RM 2 000			
viii	RM 2000 ke atas			

5. Jenis rumah kediaman :

i	Banglo / sebuah	
ii	Rumah berkembar	
iii	Rumah teres dua tingkat	
iv	Rumah teres satu tingkat	
v	Rumah pangsa	
vi	Rumah setinggan	
vii	Lain-lain (nyatakan).....	

6. Jenis pemilikan rumah kediaman :

i	Rumah sendiri	
ii	Rumah sewa	
iii	Menumpang	
iv	Tanah haram (setinggan)	
v	Lain-lain (nyatakan)	

7. Jumlah bilik di rumah :

i	Tiada bilik	
ii	1 bilik	
iii	2 bilik	
iv	3 bilik	
v	4 bilik	
vi	Lebih daripada 4 bilik	

8. Apakah anda berasa selesa berada di rumah :

i	Sangat selesa	
ii	Selesa	
iii	Kadang-kadang rasa selesa	
iv	Sekali sekala	
v	Tidak pernah rasa selesa	

9. Berikan alasan mengapa rasa tidak selesa :

.....

10. Apakah anda rasa tenang berada di rumah :

i	Sangat tenang	
ii	Tenang	
iii	Kadang-kadang rasa tenang	
iv	Sekali sekala	
v	Tidak pernah rasa tenang	

11. Berikan alasan mengapa tidak rasa tenang di rumah :

.....

12. Mengenai hubungan dalam keluarga

Anda boleh memilih lima jawapan yang disediakan.

Bulatkan jawapan berpandukan skala yang diberi.

Pilihan jawapan

- 5 - sangat setuju
- 4 - setuju
- 3 - kadang-kadang setuju
- 2 - tidak setuju
- 1 - sangat tidak setuju

Bil	Item	5	4	3	2	1
1	Keluarga ialah tempat saya mencurahkan masalah yang saya hadapi	5	4	3	2	1
2	Saya berbincang dengan keluarga sekiranya ada masalah.	5	4	3	2	1
3	Ibu bapa saya mendengar dengan baik masalah yang saya sampaikan kepada mereka.	5	4	3	2	1
4	Keputusan yang saya buat, adalah keputusan bersama ahli keluarga saya.	5	4	3	2	1
5	Ibu bapa saya bertanya sekiranya saya pulang lewat ke rumah.	5	4	3	2	1
6	Ibu bapa bertanya dengan siapa saya berjalan-jalan atau bersiar-siar	5	4	3	2	1
7	Keluarga memberikan galakkan dan dorongan atas apa yang saya minati.	5	4	3	2	1

8	Saya mendapat pujian jika melakukan perkara yang baik.	5	4	3	2	1
9	Saya makan bersama-sama keluarga	5	4	3	2	1
10	Saya mesra dengan ahli keluarga saya.	5	4	3	2	1
11	Saya berasa tenteram apabila bersama ahli keluarga saya.	5	4	3	2	1
12	Keluarga saya meluangkan masa bersama jika ada masa lapang	5	4	3	2	1

BAHAGIAN C : PENGARUH RAKAN SEBAYA

Anda diminta menjawab semua soalan di bawah dengan pilihan seperti berikut :

Bulatkan jawapan berpandukan skala yang diberi.

Pilihan jawapan

- 5 - sangat setuju
- 4 - setuju
- 3 - kadang-kadang setuju
- 2 - tidak setuju
- 1 - sangat tidak setuju

Bil	Item	5	4	3	2	1
1	Saya tidak mempunyai ramai kawan.	5	4	3	2	1
2	Saya suka berbincang mengenai masa depan saya dengan rakan-rakan saya.	5	4	3	2	1
3	Saya tidak suka mengadu masalah saya kepada rakan saya	5	4	3	2	1
4	Rakan saya selalu berkongsi pendapat tentang masalah yang dihadapi.	5	4	3	2	1
5	Saya jarang bertanyakan rakan saya tentang pendapatnya apabila membuat sesuatu	5	4	3	2	1
6	Saya pergi ke sekolah kerana ingin bersama rakan	5	4	3	2	1
7	Rakan-rakan saya tidak banyak membantu apabila saya menghadapi masalah	5	4	3	2	1
8	Masa lapang saya dihabiskan bersama rakan saya	5	4	3	2	1
9	Saya melakukan salah laku kerana desakan rakan saya	5	4	3	2	1
10	Saya tidak mudah terpengaruh dengan kehendak rakan saya	5	4	3	2	1

BAHAGIAN D : KECERDASAN EMOSI PELAJAR

Anda diminta menjawab semua soalan di bawah dengan pilihan seperti berikut :

Bulatkan jawapan berpandukan skala yang diberi.

Pilihan jawapan

- 5 - sangat setuju
- 4 - setuju
- 3 - kadang-kadang setuju
- 2 - tidak setuju
- 1 - sangat tidak setuju

Bil	Item	5	4	3	2	1
1	Saya tidak dapat menahan keinginan saya.	5	4	3	2	1
2	Saya puas hati dengan kebolehan dan kelakuan saya.	5	4	3	2	1
3	Saya ingin supaya saya lebih dipercayai.	5	4	3	2	1
4	Saya tidak sepatutnya bercakap bohong.	5	4	3	2	1
5	Saya selalu membuat apa yang betul.	5	4	3	2	1
6	Kadang-kadang saya menggunakan cara yang tidak betul untuk mendapatkan kejayaan.	5	4	3	2	1
7	Kadang-kadang saya melakukan sesuatu perkara yang amat buruk.	5	4	3	2	1
8	Saya seorang yang penyabar dan tidak cerewet.	5	4	3	2	1
9	Saya harap saya tidak mudah mengaku kalah.	5	4	3	2	1
10	Saya menerima sesuatu tuduhan dengan tidak berasa marah.	5	4	3	2	1
11	Saya melakukan sesuatu tanpa berfikir terlebih dahulu	5	4	3	2	1
12	Saya seorang yang penting kepada keluarga dan kawan saya	5	4	3	2	1
13	Saya terlalu mudah tersinggung dengan perkara yang dikatakan oleh keluarga saya.	5	4	3	2	1
14	Saya cuba berlaku adil dengan kawan dan keluarga saya	5	4	3	2	1
15	Saya membenci keadaan yang berlaku di sekeliling saya	5	4	3	2	1
16	Saya berpuas hati dengan cara saya melayan orang lain.	5	4	3	2	1
17	Saya cuba menyenangkan hati orang lain tetapi tidaklah sehingga melampaui batas.	5	4	3	2	1
18	Saya dapat melihat sifat-sifat yang baik pada semua orang yang saya temui.	5	4	3	2	1
19	Saya tidak berasa selesa bila berada dengan orang lain	5	4	3	2	1
20	Saya lebih suka menang daripada kalah dalam sesuatu permainan.					

BAHAGIAN E : TINGKAH LAKU DELINKUEN

Anda diminta menjawab semua soalan di bawah dengan pilihan seperti berikut :

Bulatkan jawapan berpandukan skala yang diberi.

Pilihan jawapan

- 5 - lebih 10 kali
- 4 - 7 hingga 10 kali
- 3 - 4 hingga 6 kali
- 2 - 1 hingga 3 kali
- 1 - langsung tidak pernah

Bil	Pernahkah anda?	Kekerapan				
		5	4	3	2	1
1	Ponteng kelas	5	4	3	2	1
2	Ponteng sekolah	5	4	3	2	1
3	Merokok	5	4	3	2	1
4	Salah guna dadah	5	4	3	2	1
5	Datang lewat	5	4	3	2	1
6	Balik awal	5	4	3	2	1
7	Terlibat dengan gangsterisme	5	4	3	2	1
8	Bergaduh sesama kaum	5	4	3	2	1
9	Bergaduh antara kaum	5	4	3	2	1
10	Merosakkan harta sekolah	5	4	3	2	1
11	Merosakkan harta guru	5	4	3	2	1
12	Melawan guru	5	4	3	2	1
13	Melepak di kawasan sekolah	5	4	3	2	1
14	Melepak di pusat membeli belah / hiburan / cyber café	5	4	3	2	1
15	Berdua-dua dengan pelajar daripada jantina berlainan di sekolah	5	4	3	2	1
16	Mengganggu pengajaran dan pembelajaran	5	4	3	2	1
17	Membuli rakan	5	4	3	2	1
18	Berjudi	5	4	3	2	1
19	Mencuri	5	4	3	2	1
20	Melawan pengawas	5	4	3	2	1
21	Peras ugut	5	4	3	2	1
22	Bawa senjata ke sekolah	5	4	3	2	1
23	Mencabul kehormatan	5	4	3	2	1
24	Ancam murid lain	5	4	3	2	1
25	Menceroboh kawasan sekolah (selepas waktu persekolahan)	5	4	3	2	1
26	Mengedar dadah	5	4	3	2	1
27	Tunjuk perasaan	5	4	3	2	1
28	Bertaruh	5	4	3	2	1